

**METODOLOGI PENULISAN ILMU MUSTALAH AL-HADITH:  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB *MUHADDITH  
AL-FASIL* DENGAN *AL-KIFAYAH***

**FAZLIDA BINTI MUSTAFA**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**METODOLOGI PENULISAN ILMU MUSTALAH AL-HADITH:  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA KITAB *MUHADDITH*  
*AL-FASIL* DENGAN *AL-KIFAYAH***

**FAZLIDA BINTI MUSTAFA**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## ABSTRAK

Penulisan ini adalah satu kajian perbandingan tentang metodologi penulisan kitab ilmu *Mustalah al-Ḥadīth* yang dilakukan terhadap dua kitab *turāth* iaitu kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil* oleh al-Rāmahurmuzī (m.360H) dan kitab *al-Kifāyah* oleh al-Khatīb al-Baghdādiy (m.463H). *al-Muḥaddith al-Fāṣil* adalah sebuah karya pertama dalam sejarah penulisan ilmu *Mustalah al-Ḥadīth* yang ditulis dalam sebuah kitab khusus berkenaan dengan kaedah-kaedah dalam ilmu ini. Manakala *al-Kifāyah* adalah karya yang lengkap dalam ilmu *Mustalah al-Ḥadīth* pada zamannya dan menjadi rujukan utama ulama hadis selepasnya. Kajian ini juga memuatkan penulisan ringkas tentang metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Mustalah al-Ḥadīth*, penulisan tentang biografi kedua-dua pengarang kitab, pengenalan terhadap kedua-dua kitab tersebut dan analisa kajian perbandingan terhadap kedua-dua kitab tersebut sebagai gambaran terhadap hasil kajian.

## ABSTRACT

This paper is a comparative study of the methodology of writing the book of knowledge *Mustalah al-Ḥadīth* is made to two books of *al-turāth Muḥaddith al-Fāsil* by al-Rāmahurmuzi (m.360H) and *al-Kifāyah* by al-Khatīb al-Baghdādiy (m.463H). *Muḥaddith al-Fāsil* is a work of writing the first in the history of science *Mustalah al-Ḥadīth* in a book written specifically with respect to the rules in this discipline. While *al-Kifāyah* is a complete work in science *Mustalah al-Ḥadīth* in his day and the main reference for subsequent hadis scholars. The study also includes writing a brief about the methodology of science *muhaddithīn Mustalah al-Ḥadīth*, the writing of biographies of both authors of the book, an introduction to both the book and analyze comparative study of both these books as a description of the study.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w, keluarga, sahabat dan para pengikut baginda.

Terlebih dahulu penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih buat Prof. Madya Dr Fauzi Deraman selaku penyelia penulis, atas segala bimbingan untuk menyiapkan tesis ini. Ribuan kemaafan juga diminta atas kerendah penulis, semoga Allah swt membalas segala kerjasama dan jasa baik yang telah beliau berikan.

Tidak lupa juga, ucapan ribuan terima kasih untuk semua pensyarah di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah banyak mencurahkan ilmu yang berguna kepada diri penulis.

Teristimewa buat abah dan ummi yang tidak jemu memberikan semangat dan dorongan. Tidak lupa juga buat kakak-kakak dan adik-adik. Juga kepada sahabat-sahabat Aisyah, Sarah, Norli, Kak Sal, Kak Mie, Kak Zie dan Kak Ani terima kasih atas dorongan. Juga, khas buat Ibn Hamka. Terima kasih juga buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyempurnaan tesis ini. Semoga penulisan ilmiah ini akan dapat memberikan manfaat kepada umat islam seluruhnya.

Sekian, Terima Kasih

Wassalam

FAZLIDA BINTI MUSTAFA  
1432  
Kampung Pulau Mansok  
Jerantut, Pahang.

12 Jun 2011/10 Rejab

## DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
Abstrak	ii
Abstrack	iii
Penghargaan	iv
Daftar Isi	v
Senarai Lampiran	x
Transliterasi	xi
Senarai Kependekan	xiv

## BAB PENDAHULUAN

0.1	Pengenalan	1
0.2	Latarbelakang Kajian	1
0.3	Masalah Kajian	2
0.4	Objektif Kajian	3
0.5	Kepentingan Kajian	3
0.6	Skop Kajian	4
0.7	Huraian Tajuk	4
0.8	Kajian Literatur	6
0.9	Metodologi Kajian	8
0.10	Sistematika Penulisan	12

## **BAB SATU:**

### **PENGENALAN TERHADAP METODOLOGI MUḤADDITHĪN DALAM ILMU MUṢṬALAH AL-ḤADĪTH**

1.1	Pengenalan	14
1.2	Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	
1.2.1	Definisi Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	15
1.2.2	Skop ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	16
1.2.3	Tujuan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	16
1.3	Pengenalan Terhadap Metodologi Muhaddithin dalam ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	
1.3.1	Permulaan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	18
1.3.2	Permulaan Penulisan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	19
1.3.3	Penyusunan dan Pembukuan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	21
1.3.4	Zaman Kegemilangan Ilmu <i>Muṣṭalah al-Ḥadīth</i>	23
1.3.5	Metodologi Muhaddithin Pada Zaman Kemunduran	26
1.3.6	Metodologi Muhaddithin Pada Masa Kini	26
1.4	Kesimpulan	28

## **BAB KEDUA:**

### **BIOGRAFI AL-RĀMAHURMUZĪ (m. 360/971) DAN AL-KHATĪB AL-BAGHDĀDIY (392/1002-463/1071)**

2.1	Biografi al-Rāmahurmuzī (m. 360/971)	
2.1.1	Nama Penuh, Keturunan dan Gelaran	30
2.1.2	Kelahiran	30
2.1.3	Latarbelakang Pendidikan	31
2.1.4	Pandangan Ulama	31
2.1.5	Guru-guru	32
2.1.6	Murid-Murid	33
2.1.7	Sumbangan Ilmiah	34
2.1.8	Kewafatan	35
2.2	Biografi al-Khatīb al-Baghdādiy (392/1002-463/1071)	
2.2.1	Nama Penuh, Keturunan dan Gelaran	35
2.2.2	Kelahiran	36
2.2.3	Latarbelakang Keluarga	37
2.2.4	Latarbelakang Pendidikan	37
2.2.5	Guru-guru	40
2.2.6	Murid-murid	41
2.2.7	Sumbangan Ilmiah	42
2.2.8	Sakit dan Kewafatan	49



## **BAB KETIGA:**

### **PENGENALAN KITAB *AL-MUḤADDITH AL-FĀṢIL* DAN KITAB *AL-KIFĀYAH***

3.1	Pengenalan	51
3.2	Kitab <i>al-Muḥaddith al-Fāṣil</i>	
3.1.1	Pengenalan Kitab	52
3.1.2	Definisi Tajuk Kitab	52
3.1.3	Objektif Penulisan Kitab	53
3.1.4	Isi Kandungan Kitab	54
3.1.5	Pandangan Ulama Terhadap Kitab <i>al-Muḥaddith al-Fāṣil</i>	64
3.3	Kitab <i>al-Kifāyah</i>	
3.3.1	Pengenalan Kitab	65
3.3.2	Definisi Tajuk Kitab	66
3.3.3	Objektif Penulisan Kitab	67
3.3.4	Isi Kandungan	68
3.3.5	Pandangan Ulama Terhadap Kitab <i>al-Kifāyah</i>	77
3.4	Kesimpulan	78

## **BAB KEEMPAT:**

### **PERBANDINGAN ANTARA METODOLOGI KITAB *AL-MUḤADDITH AL-FĀṢIL* DAN KITAB *AL-KIFĀYAH***

4.1	Pengenalan	79
4.2	Persamaan Isi Kandungan	79
4.3	Perbezaan Isi Kandungan	86
4.4	Perbandingan Metodologi Penulisan Kedua-dua Kitab	95
	4.4.1 Metode Umum Persembahan	96
	4.4.1.1 Kaedah Penyusunan Isi Kandungan	
	4.4.1.2 Kaedah Persembahan Kitab	
	4.4.2 Metode Persembahan Bab	97
	4.4.2.1 Kaedah Penulisan Tajuk Bab	
	4.4.2.2 Kaedah Huraian Bab	
4.5	Ulasan Terhadap Perbandingan Kedua-dua Kitab	108
4.6	Kesimpulan	110

## **BAB LIMA:**

### **PENUTUP**

5.1	Pengenalan	111
5.2	Kesimpulan Kajian	112
5.3	Saranan-saranan	115

<b>BIBLIOGRAFI</b>	118
--------------------	-----

### **LAMPIRAN**

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Halaman depan kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil*

Lampiran 2: Halaman depan kitab *al-Kifāyah*

## TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Senarai pedoman adalah seperti berikut:

HURUF ARAB	TRANSLITERASI	HURUF ARAB	TRANSLITERASI
ا	A	ط	Ṭ
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	Ḥ	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	Da	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	و	W
س	S	ه	H
ش	Sh	ء	A
ص	Ṣ	ي	Y
ض	Ḍ	ة	Ah

## VOKAL PANJANG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
آ	Ā
و	Ū
ى	Ī

## VOKAL PENDEK

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
َ	A
ُ	U
ِ	I

## DIFTONG

HURUF ARAB	TRANSLITERASI
او	Aw
اى	Ay
يـ	iy/ī
وـ	Uww

Catatan:

Format penulisan disertasi ini adalah berpandukan kepada *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (2001)*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terjemahan al-Qur'an di dalam disertasi ini adalah berpandukan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (1995) oleh Sheikh Abdullah Basmeih terbitan Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

## SENARAI KEPENDEKAN

APIUM	Akademi Pengajian Islam
C.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa Pustaka
Dr.	Doktor
Ed	Editor
Edit	Edisi
Et.al	Penulis melebihi 3 orang
H	Hijrah
h.	Halaman
Ibid	Ibidem (Rujukan sama seperti sebelum) pada tempat, kitab, fasal, halaman yang sama
j.	Jilid/juzuk
no.	Nombor
op.cit	Opera Citato (Rujukan berselang bagi karya tersebut)
Prof.	Profesor
ra	<i>Raḍiya Allah ‘Anh</i>
saw	<i>Ṣalla Allah ‘Alayh Wasallam</i>
swt	<i>Subhanah wa Wata’ala</i>
Sdn. Bhd	Sendirian Berhad
t.t.	Tanpa tarikh
t.t.t.	Tanpa tempat penerbit
terj.	Terjemahan
Tah:	Tahqiq

## **PENDAHULUAN**

### **0.1 Pengenalan**

Kewujudan kitab-kitab *turāth* pada hari ini, tidak lain adalah sumbangan ulama silam dalam pelbagai disiplin ilmu seiring dengan zaman perkembangan Islam. Ulama silam yang begitu unggul dalam pelbagai disiplin ilmu semestinya mendapat penghargaan daripada umat selepasnya sebagai tanda perjalanan perkembangan ilmu itu sendiri.

Begitu juga dalam pengajian hadis, usaha ulama silam amat bersungguh-sungguh menghasil sumbangan terutama dalam menghasilkan karya-karya yang boleh dianggap sebagai batu permata yang menyinari dan memberikan manfaat kepada perkembangan pengajian hadis khasnya dan ilmu amnya.

### **0.2 Latarbelakang Kajian**

Pengajian hadis merupakan bidang pengajian yang tidak dapat dipisahkan dalam memperkukuhkan kedudukan Islam. Sunnah atau hadis merupakan media dakwah dalam menyebarkan Islam. Sehubungan dengan itu, kajian terhadap riwayat hidup tokoh-tokoh Islam dan sumbangan mereka dalam disiplin ilmu adalah merupakan satu sumbangan yang besar sebagai menyambung perjuangan mereka. Sesungguhnya dalam meneliti kewibawaan dan kehebatan mereka sebagai tokoh ilmu ini,



mendorong penulis untuk mengkaji tentang ketokohan ulama silam dalam bidang keilmuan.

Begitu juga, bersandarkan kepada keyakinan bahawa masih ramai masyarakat hari ini yang tidak memanfaatkan karya silam dan mengetahui wujudnya ulama silam yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi sehingga dapat menghasilkan karya dalam pelbagai bidang, penulis memilih al-Khatīb al-Baghdādiy dan al-Rāmahurmuzī untuk diketengahkan bagi menggambarkan keadaan tersebut.

Insya Allah, penulisan ini akan mendedahkan biografi al-Khatīb al-Baghdādiy dan al-Rāmahurmuzī serta kajian perbandingan antara kitab *al-Muḥaddith al-Fāsil* dan kitab *al-Kifāyah* yang merupakan sumbangan mereka dalam pengajian hadis ini.

### **0.3 Masalah Kajian**

Penjelasan tentang masalah yang menjadi tumpuan kajian dapatlah disenaraikan seperti berikut:

1. Kepentingan dalam mendedahkan biografi ulama silam. Iaitu apakah biografi al-Khatīb al-Baghdādiy<sup>1</sup> dan al-Rāmahurmuzī<sup>2</sup> sebagai tokoh hadith.
2. Kekurangan penulisan ilmiah terhadap kajian metodologi kitab *turāth*. Iaitu apakah metodologi penulisan yang diaplikasi oleh kedua-dua tokoh ini dalam kitab *al-Muḥaddith al-Fāsil* dan *al-Kifāyah*.

---

<sup>1</sup> Nama penuh beliau Abū Bakr Aḥmad bin ‘Aliy bin Thābit (392-463H).

<sup>2</sup> Nama penuh beliau al-Qādī al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥman al-Rāmahurmuzī (m.260-360H).

3. Apakah perbandingan yang dapat dilihat dari sudut persamaan dan perbezaan antara kedua-dua kitab ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* ini.

#### **0.4 Objektif Kajian**

Antara objektif bagi kajian ini ialah:

1. Mengenali biografi al-Rāmahurmuzi dan al-Khatīb al-Baghdādiy dengan lebih dekat sebagai tokoh hadis yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.
2. Memperkenalkan kitab *al-Muḥaddith al-Fāsil* sebagai sebuah karya pertama yang dihasilkan secara berasingan dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* dan kitab *al-Kifāyah* sebagai sebuah karya yang lengkap dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.
3. Mendedahkan metodologi penulisan yang diaplikasi dalam kitab *al-Muḥaddith al-Fāsil* dan kitab *al-Kifāyah* oleh kedua-dua tokoh seterusnya membuat perbandingan tentang persamaan dan perbezaan isi kandungan perbahasan kitab dan metodologi penulisan yang terdapat pada kedua-dua karya tersebut.

## 0.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan sunnah dalam Islam tidak boleh dinafikan kerana sunnah dapat memandu manusia ke jalan kebenaran dan keselamatan dunia akhirat. Sehubungan dengan itu, sumbangan kajian ini terhadap bidang yang dikaji antaranya ialah:

- Memperkenalkan ketokohan ulama silam dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*
- Menambahkan lagi penulisan ilmiah berkenaan dengan tokoh-tokoh ulama silam dan metodologi kitab *turāth* yang dikaji.

## 0.6 Skop Kajian

Kajian terhadap tajuk yang dikaji ini, terbahagi kepada 3 skop kajian utama. Ia dapatlah dinyatakan seperti berikut:

1. Membincangkan tentang metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* berasaskan sejarah perkembangan ilmu ini secara menyeluruh sebagai landasan teori.
2. Mengkaji biografi pengarang kedua-dua kitab sebagai tokoh ilmuan umumnya dan tokoh ilmu hadis khususnya.

3. Mengkaji metodologi penulisan kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil* dan kitab *al-Kifāyah* seterusnya membuat perbandingan di antara keduanya.

## 0.7 Huraian Tajuk

Penulis akan memberi penjelasan terhadap perkataan-perkataan yang dianggap penting sahaja terhadap tajuk kajian iaitu Metodologi Penulisan Ilmu *Muṣṭalah Ḥadīth*: Kajian Perbandingan antara *Kitāb al-Kifāyah* dan *al-Muḥaddith al-Fāṣil* seperti berikut:

- i. Metodologi berasal daripada perkataan Yunani iaitu *metodes* yang bermaksud cara dan *logos* yang bermaksud ilmu.<sup>3</sup> Dalam Bahasa Malaysia bermaksud cara membuat sesuatu atau sistem.<sup>4</sup> Oleh yang demikian, metodologi penulisan dapatlah diertikan sebagai satu usaha atau cara yang sistematik dan objektif untuk menghasilkan sebuah penulisan yang baik.
- ii. Ilmu *Muṣṭalah Ḥadīth* bermaksud ilmu pengetahuan yang membicarakan tentang cara-cara persambungan hadis sampai kepada Rasulullah s.a.w dari segi hal ehwal para perawinya yang menyangkut

---

<sup>3</sup> Koentjaraningat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T Gramedia, h. 6.

<sup>4</sup> Teuku Iskandar et.al (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 887.

kedabitan dan keadilannya dan dari bersambung dan terputusnya sanad dan sebagainya.<sup>5</sup>

- iii. Kajian bermaksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji.<sup>6</sup> Kajian yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah satu usaha atau proses penulis mengkaji berkenaan dengan tumpuan kajian tajuk tesis.
- iv. Kitab bermaksud buku suci (yang mengandungi perkara-perkara keagamaan seperti hukum, ajaran dan lain-lain).<sup>7</sup> Kitab yang dimaksudnya di sini ialah bahan kajian yang menjadi tumpuan utama penulis.
- v. *al-Muḥaddith al-Fāṣil* adalah singkatan tajuk kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'i* oleh Imam al-Rāmahurmuzī
- vi. *Al-Kifāyah* adalah singkatan tajuk kitab *Al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah* oleh Imam al-Khatīb al-Baghdādīy.

---

<sup>5</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahman bin Abī Bakr al-Suyūtiy (2002), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwīy*, Abū 'Abd al-Raḥman Ṣalaḥ bin Muḥammad (taḥ), j.1-2, c.3. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.5-6

<sup>6</sup> Teuku Iskandar (Dr) et.al (2002), *op.cit*, h. 560.

<sup>7</sup> *Ibid*, h. 686.

## 0.8 Kajian Literatur

Hasil-hasil kajian yang lepas dapat dilihat kepada dua aspek utama iaitu kajian terhadap biografi pengarang dan kajian terhadap kitab. Jika dilihat dari sudut kajian terhadap kitab, berdasarkan penelitian yang dibuat masih belum terdapat mana penulisan yang mengkaji tentang metodologi tentang kedua-dua kitab secara khusus.

Manakala dari sudut biografi pengarang, berdasarkan kajian yang dibuat, tidak banyak penulisan tentang kedua-dua tokoh ini. Bagi al-Rāmahurmuzī, penulis tidak menjumpai penulisan yang dihasilkan tentang beliau. Manakala bagi al-Khatīb al-Baghdādiy dijumpai cuma terdapat empat kajian yang telah diketengahkan oleh beberapa orang penulis terkemuka iaitu:

1. *al-Khatīb al-Baghdādiy Muarrikh Baghdād wa Muḥaddithuha* oleh Dr. Yūsuf al-'Ish.
2. *Mawārid al-Khatīb al-Baghdādiy fī Tārīkh Baghdād* oleh Dr. Akram Ḍiyā' al-'Umariy.
3. *al-Hāfiẓ al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fī 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. Maḥmud al-Ṭaḥḥan
4. *Al-Khatib al-Baghdadi* oleh Dr. Gibril Fouad Haddad.

Dr. Yūsuf al-'Ish, *al-Khatīb al-Baghdādiy Muarrikh Baghdād wa Muḥaddithuha*. Diterbitkan di al-Maktabah al-'Arabiyyah pada tahun 1945 sebanyak 276 muka surat. Penulisan Dr. Yūsuf al-'Ish ini merupakan kajian pertama tentang al-Khatīb al-Baghdādiy. Penulisan ini merangkumi secara keseluruhan tentang biografi al-Khatīb

al-Baghdādiy yang disusun secara tersusun dan lengkap berdasar sumber-sumber primer tentang tokoh ini. Susunan isi kandungan kajian mengengahkan tentang tokoh ini sebagai tokoh sejarah dan tokoh hadith.<sup>8</sup>

Dr. Akram Diyā' al-'Umariy, *Mawārid al-Khatīb al-Baghdādiy fī Tārīkh Baghdād*. Diterbitkan di Dār Ṭayyibah Riyad pada tahun 1975 sebanyak lebih kurang 455 muka surat. Kajian ini mengandungi 3 bab perbahasan yang utama. Bab pertama tentang riwayat hidup al-Khatīb al-Baghdādiy, karya-karya beliau dan metodologi beliau dalam kitab *Tārīkh Baghdād*. Bab pertama ini mengandungi 3 fasal perbincangan. Manakala bab kedua bertajuk *al-Mawārid al-Tārīkhiyyah wa al-Adabiyyah* mengandungi 3 fasal. Seterusnya bab ketiga bertajuk *Mawārid fī 'Ilm al-Rijāl wa al-Ḥadīth* yang mengandungi 5 fasal. Secara umumnya, perbincangan karya ini menyentuh tentang biografi al-Khatīb al-Baghdādiy seterusnya perbincangan tentang topik utama tajuk.<sup>9</sup>

Dr. Maḥmud Ṭaḥḥan, *al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Diterbitkan pada tahun 1981. Kitab ini mengandungi 4 bab utama. Bab pertama adalah berkenaan riwayat hidup al-Khatīb al-Baghdādiy dan zamannya, di mana ia mengandungi 4 fasal perbahasan. Bab kedua adalah berkisar tentang karya-karya al-Khatīb al-Baghdādiy yang terdiri daripada 3 fasal. Manakala bab ketiga, tentang fitnah Abu Hanifah dan kritiknya bagi imam-imam hadis. Bab ini terdiri 2 fasal perbincangan. Seterusnya bab keempat ialah sumbangan al-Khatīb al-Baghdādiy dalam *'Ulūm al-Ḥadīth* yang terdiri daripada 3 fasal perbahasan. Secara keseluruhan, kitab ini mendedahkan tentang biografi *al-Khatīb al-Baghdādiy* secara terperinci.

---

<sup>8</sup> Yusuf al-'Ish (Dr) (1945), *al-Khatīb al-Baghdādiy Muarrikh Baghdād wa Muḥaddithuha*, Dimashq: al-Maktabah al-'Arabiyyah.

<sup>9</sup> Akram Diyā' al-'Umariy (Dr) (1985), *Mawārid al-Khatīb al-Baghdādiy fī Tārīkh Baghdād*, c.3, Riyad: Dar al-Tayyibah.

Diikuti dengan pendedahan tentang karya *al-Khatīb al-Baghdādiy* satu persatu secara terperinci.<sup>10</sup>

Terdapat satu lagi penulisan artikel tentang tokoh ini yang bertajuk Al-Khatib al-Baghdadi ditulis oleh Dr. Gibril Fouad Haddad. Artikel ini secara umumnya mendedahkan riwayat hidup al-Khatīb al-Baghdādiy secara ringkas dan menyeluruh dengan membawakan pandangan ulama terhadap al-Khatīb al-Baghdādiy.<sup>11</sup>

Sesungguhnya dengan adanya hasil kajian-kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai panduan kepada diri penulis dalam menghasilkan sesuatu yang baru bukan kajian yang sama seperti kajian dan penyelidikan yang lepas.

## **0.9 Metodologi Kajian**

Secara umumnya, kajian penulis berada di bawah penyelidikan perpustakaan. Antara metode yang dipraktikkan ialah:

### **0.9.1 Metode Penentuan Subjek atau Persampelan**

Melalui metode ini, penulis menentukan subjek pengkhususan kajian merangkap sampel kajian. Metode ini diaplikasi dalam menentukan sampel kajian yang difokuskan kepada metodologi penulisan kitab *al-Muḥaddith al-Fāsil* berasaskan

---

<sup>10</sup> Maḥmud al-Ṭaḥḥan (Dr) (1981), *al-Hāfiẓ al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c.1, (t.p).

<sup>11</sup> <http://www.sunnah.org/history/scholars/al-Khatib-al-Baghdadi.html>.



maklumat bahawa ia adalah sebuah karya pertama yang ditulis secara khusus dan berasingan tentang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* dan kitab *al-Kifāyah* oleh al-Khatīb al-Baghdādiy berasaskan maklumat bahawa ia adalah sebuah karya yang penting dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

## **0.9.2 Metod Pengumpulan Data**

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan. Kajian ini berlandaskan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pelbagai jenis bahan-bahan bertulis samada penerbitan rasmi atau tidak seperti buku, kamus, kertas kerja, jurnal, makalah dan disertasi. Data-data tersebut samada primer atau sekunder diperolehi menerusi metode-metode berikut:

### **0.9.2.1 Metode Historis**

Metode ini diaplikasi untuk memperolehi maklumat yang berstatus sejarah seperti tinjauan biografi al-Khatīb al-Baghdādiy dan al-Rāmahurmuzi serta sumbangan kedua-dua tokoh ini dalam bidang hadis menerusi bab ketiga.

### **0.9.2.2 Metode Dokumentasi**

Bahan-bahan metode dokumentasi yang digunakan oleh penulis bagi kajian ini di dalam bentuk al-Qur'an dan al-Hadith, kitab-kitab yang ditulis oleh ulama-ulama yang terkenal, disertasi, jurnal, kamus serta buku-buku kajian ilmiah di dalam

pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bahan-bahan ini diperolehi daripada beberapa buah perpustakaan seperti:

- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Awam Islam JAKIM, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Gombak Selangor.

Metode ini diaplikasikan secara lansung terhadap sampel kajian iaitu kitab *Muḥaddith al-Fāṣil* dan kitab *al-Kifāyah* untuk mengkaji metodologi pengarang bagi kedua-dua kitab ini sebagai sumber yang masyhur dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* di kalangan ulama hadis. Sumber-sumber lain turut digunakan sebagai sokongan terutama buku-buku yang berkaitan dengan pengajian ilmu hadis.

### **0.9.2.3 Metode Penganalisan Data**

Metode penganalisan data dilakukan setelah kesemua bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian dikumpul. Penulis membuat analisa dan kesimpulan setelah pembacaan dan penelitian. Antara metode yang dipraktikkan adalah seperti berikut:

**i) Metode Kualitatif**

**Metode Induktif:**

Metode ini adalah suatu kaedah yang memerlukan penyelidik mengumpul maklumat yang bersifat terhad dan berasingan yang diperolehi dari pembacaan secara berterusan bagi menghuraikan fenomena yang dikaji. Penulis mengaplikasikan metode ini bagi bab kedua sebagai landasan teori dan bab ketiga tentang kajian terhadap biografi pengarang.

**Metode Deduktif:**

Metode ini merupakan satu kaedah membuat analisa atau kesimpulan daripada data-data umum yang diperolehi kepada kenyataan-kenyataan secara lebih khusus. Metode diaplikasi bagi bab keempat dan bab kelima yang memerlukan kepada kajian analisa.

**ii) Metode Kuantitatif**

Metode ini berkisar kepada masalah pengukuran yang dapat dinilai dengan angka. Ia digunakan untuk mengukur perilaku manusia dalam kehidupan masyarakat dengan menggunakan kaedah statistik dan matematik. Penulis menggunakan metode ini

untuk menerangkan jumlah bilangan hadis, athar dan ijthad pengarang yang dibawa bagi setiap bab yang dibentangkan.

### **iii) Metode Komparatif**

Metode ini dipraktikkan dengan membuat analisa terhadap bahan-bahan kajian dan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Hasil daripada perbandingan yang dibuat penulis dapat merumuskan suatu hasil kajian yang lengkap. Metode ini diaplikasikan bagi bab yang keempat sebagai fokus utama kajian terhadap perbandingan dua kitab yang menjadi sampel bagi kajian perbandingan ini.

## **0.10 Sistematika Penulisan**

**Bab pertama:** Penulis menyebut tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian seperti latarbelakang kajian, metodologi penyelidikan dan lain-lain serta sistematika penulisan sebagai gambaran umum tentang keseluruhan tesis ini.

**Bab kedua:** Penulis memaparkan biografi al-Khatīb al-Baghdādiy dan al-Rāmahurmuzi secara terperinci untuk memperkenalkan kedua-dua tokoh ini kepada pembaca dengan lebih dekat. Di samping itu penulis membawakan sumbangan beliau dalam pelbagai bidang ilmu.

**Bab ketiga:** Penulis membawakan beberapa aspek penting tentang pengenalan terhadap metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* berasaskan sejarah perkembangan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini. Penulis juga membawakan hasil karya dalam bidang ini mengikut kronologi penulisannya.

**Bab keempat:** Penulis memperlihatkan dengan lebih dekat hasil kajian terhadap pengenalan dan metodologi kedua-dua karya yang menjadi subjek kajian iaitu kitab *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah* dan kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'i*. Seterusnya penulis membentangkan isi perbandingan bagi kedua-dua kitab ini dari sudut persamaan dan perbezaan yang merupakan topik utama bagi mencapai objektif kajian ini.

**Bab kelima:** Penulis membuat kesimpulan keseluruhan tesis, di samping mengemukakan beberapa saranan kepada pihak berwajib dan anggota masyarakat dalam memberikan peranan dan sumbangan dalam ilmu hadith khususnya dan ilmu-ilmu islam yang lain.

## BAB SATU

# PENGENALAN KEPADA METODOLOGI MUḤADDITHĪN DALAM ILMU MUṢṬALAḤ AL-ḤADĪTH

### 1.1 Pengenalan

Perkembangan ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* bermula pada zaman Rasulullah saw dan ia seiring dengan perkembangan periwayatan dan pemindahan hadis dalam Islam. Kemunculan ilmu ini bermula daripada usaha-usaha para sahabat amat jelas berasaskan dalil-dalil berikut:

Firman Allah s.w.t:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِيبُكُمْ  
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.*

Surah al-Hujurat: 6

Sabda Nabi s.a.w: <sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī, *Sunan Abū Dawūd*, Kitāb al-'Ilm, Bāb Faḍl Nashr al-'Ilm, no. 3660 Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.580 .

نَضَّرَ اللهُ امراً سمع منا حديثاً فحفظها حتى يبلغ فرب حامل فقه الى من هو أفقه منه  
ورب حامل فقه ليس بفقيه

Terjemahan: *Semoga Allah menyerikan seseorang yang mendengar sesuatu (hadith) dari kami lalu menghafaznya sehingga dia menyampaikannya sebagaimana yang dia dengar, kadang-kadang orang yang menyampaikan tidaklah lebih peka (memahami) dari yang mendengar dan kadang-kadang orang yang menyampaikannya tidaklah mengetahuinya.*

## 1.2 Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

### 1.2.1 Definisi Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Perkataan *Muṣṭalah al-Ḥadīth* menunjukkan dua maksud yang berbeza iaitu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang menunjukkan kepada ilmu hadis itu sendiri dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang merujuk kepada istilah-istilah khusus seperti nama-nama dan frasa-frasa serta syarat-syarat khusus yang digunakan dalam ilmu ini.<sup>13</sup> *Ilmu Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang dimaksudkan di sini ialah ilmu hadis itu sendiri. Ia juga disebut dengan nama lain iaitu ‘*Ulūm al-Ḥadīth*, *Uṣūl al-Ḥadīth*, ‘*Ilm al-Ḥadīth*, *ilmu Hadith Dirāyah* dan ‘*Ilm Muṣṭalah Ahl al-Athār*.<sup>14</sup>

Pengertian *Muṣṭalah al-Ḥadīth* ini menurut al-Akfāniy (m.1286H) ialah ilmu untuk mengetahui tentang periwayatan, syarat-syaratnya, jenis-jenisnya dan hukum-hukumnya serta untuk mengetahui keadaan para perawi dan syarat-syaratnya, jenis-

---

<sup>13</sup> Mohammad Hashim Kamali (2002), *Hadith Methodology Usul Hadith Authenticity, Compilation, Classification and Criticism of Hadith*, Ilmiah Publishers, h. 78.

<sup>14</sup> ‘Abd al-Rahman bin Abī Bakr al-Suyūṭī (2002), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*, c.3, Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah., h. 8.

jenis hadis yang diriwayatkan dan segala yang berkaitan dengannya.<sup>15</sup> Menurut Shaykh al-Islām al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m.852H) adalah ilmu untuk mengetahui kaedah-kaedah tentang keadaan perawi dan periwayatan.<sup>16</sup> Manakala menurut Imam ‘Izz al-Dīn bin Jamā‘ah (m.733H) adalah ilmu yang membahaskan kaedah-kaedah untuk mengetahui keadaan sanad dan matan.<sup>17</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa perbahasan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah ilmu tentang *sanad* dan *matan* yang dikaji dari sudut diterima atau ditolak sesebuah hadis berdasarkan kaedah-kaedah tertentu untuk mengetahui hadis yang boleh diterima dan sebaliknya.

### **1.2.2 Skop Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth***

Skop perbahasan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah berkenaan sanad dan matan hadis yang dikaji dari sudut diterima atau ditolak berdasarkan kaedah-kaedah tertentu.

### **1.2.3 Tujuan Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth***

Tujuan utama ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah untuk memelihara hadis Nabi s.a.w daripada sebarang gangguan dan pendustaan. Tujuan khusus dapatlah diperincikan seperti berikut:

---

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 9.

<sup>17</sup> *Ibid.*



- i) Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah untuk menjaga agama Islam daripada perubahan dan pencemaran. Tanpa ilmu ini, kekeliruan akan terjadi dalam membezakan hadis sahih, hadis lemah dan hadis palsu.<sup>18</sup>
- ii) Ilmu ini adalah metode asas untuk menyelamatkan berlakunya periwayatan hadis secara sembarangan.<sup>19</sup>
- iii) Ilmu ini juga berperanan sebagai penangkis dalam membentasi khurafat-khurafat yang disebarkan oleh musuh-musuh Islam dalam menciptakan kisah-kisah dongeng yang merbahaya kepada umat Islam.<sup>20</sup>

### 1.3 Metodologi *Muḥaddithīn* Dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* seperti ilmu-ilmu lain telah melalui tahap-tahap perkembangan metodologinya yang tersendiri dalam sejarah. Secara umumnya, sejarah penulisan ilmu ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu:<sup>21</sup>

- i) Peringkat pertama peringkat awal penulisan, iaitu penulisan Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* bercampur aduk dengan penulisan ilmu-ilmu lain dan tidak terdapat buku khusus membincangkan tentang ilmu tersebut seperti yang didapati di dalam kitab *al-Risālah* dan *al-Umm* oleh al-Imām al-Shāfi'i (204H).
- ii) Peringkat kedua iaitu ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan hadis ini ditulis dan dibukukan secara berasingan dan lebih sistematik.

---

<sup>18</sup> Nur al-Dīn 'Itr (2003), *Manhaj al-Naqd fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, c.3, Damshiq: Dār al-Fikr, h. 34.

<sup>19</sup> *Ibid*, h. 34

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 34-35.

<sup>21</sup> Mohd Noor bin Deris (1993), *Sejarah Penulisan Ilmu-ilmu Hadith, Monograf Syariah*, h. 9.

Walaupun demikian pun dalam meneliti sejarah perkembangannya secara terperinci, menurut Dr. Nur al-Din al-‘Itr ia terbagi kepada tujuh peringkat iaitu peringkat kelahiran, peringkat penyempurnaan, peringkat pembukuan hadis secara berasingan, peringkat penyusunan kitab-kitab induk dalam ilmu hadis, peringkat jumud dan peringkat kebangkitan kali kedua.<sup>22</sup>

Oleh yang demikian, dalam meneliti metodologi *muhaddithin* dalam *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* ini, penulis akan membawakan secara ringkas tentang metodologi *muhaddithin* ini berasaskan peringkat metodologi *muhaddithin* seperti berikut:

### **1.3.1 Permulaan Ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth***

Zaman Rasulullah saw dan sahabat merupakan peringkat kelahiran metodologi Ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* di mana para sahabat ra menerima hadis dan riwayat secara langsung dari Rasulullah saw.<sup>23</sup> Para sahabat ra adalah kumpulan *muhaddithin* pertama yang merupakan rujukan utama bagi dasar ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.<sup>24</sup> Keprihatinan mereka dalam menentukan hadis *maqbul* untuk diamalkan dan hadis *mardud* untuk ditinggalkan merupakan asas kepada kemunculan metodologi ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.

---

<sup>22</sup> Nur al-Dīn ‘Itr (2003), *op.cit.*, h. 37.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 25.

Semasa hayat Rasulullah saw, empat metode periwayatan utama yang diletakkan sebagai asas iaitu pendengaran yang sahih, hafazan yang sedar, pemahaman yang mendalam dan menyampaikan dengan penuh amanah.<sup>25</sup> Manakala pada zaman sahabat, khulafā' al-Rāsyidīn mengaplikasikan tiga metodologi baru dalam periwayatan hadis iaitu:

- i. Metode pengurangan sedaya mungkin dalam meriwayatkan hadis Rasulullah saw kerana perhatian utama umat Islam pada masa itu adalah al-Quran dan kekhawatiran para sahabat terhadap kesilapan dan pendustaan.<sup>26</sup>
- ii. Metode berhemat dalam meriwayatkan hadis Rasulullah saw.<sup>27</sup>
- iii. Metode ketelitian dalam menerima hadis Rasulullah saw.<sup>28</sup>

Metodologi dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* pada zaman Rasulullah saw dan sahabat ra tidak berlaku secara bertulis sebaliknya ia berlaku berdasarkan metod lisan dan usaha-usaha praktikal para sahabat dalam menentukan kaedah-kaedah ilmiah bagi menentukan kesahihan sesebuah hadis. Berasaskan kepada metod-metod para sahabat tersebut, umat Islam kemudian menjadikannya sebagai pedoman dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

---

<sup>25</sup> Fauzi bin Deraman (2000), *Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan, Jurnal Usuluddin*, Bil. 12, h. 10

<sup>26</sup> Fauzi bin Deraman (2000), *op.cit.*, h. 10

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 11.

### 1.3.2 Permulaan Penulisan Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Pada awal abad kedua sehingga awal abad ketiga hijrah ini bermulanya zaman penulisan dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.<sup>29</sup> Metodologi *muhaddithīn* mencapai tahap kesempurnaan apabila penulisan tentang cabang-cabang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* telah lahir sebagai ilmu khusus. Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* mula ditulis dan dibukukan, akan tetapi penulisannya masih berselerak di dalam kitab-kitab lain yang bercampur dengan ilmu-ilmu lain. Imam al-Zuhri di anggap sebagai pengasas Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* iaitu orang yang pertama mengumpulkan istilah-istilah yang digunakan oleh *muhaddithīn*.<sup>30</sup>

Muhammad bin Idris al-Syafi'i (m.204H) merupakan orang pertama yang menulis sebahagian masalah ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* dalam kitab *al-Risālah* iaitu perbincangan tentang kejujahan khabar, syarat-syarat kesahihan hadis, keadilan para perawi, penolakan terhadap hadis mursal dan dan munqati'<sup>31</sup>

Manakala penulisan tentang perbahasan tertentu yang berkaitan dengan Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* telah pun terdapat kitab-kitab hadis yang utama seperti Ṣaḥīḥ al-Imām al-Bukhāri (m.256H), Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim (m.261H), Sunan Abū Dawūd al-Sijistānī (m.275H), Sunan Abū 'Isa al-Tirmidhī (m.279H) dan lain-lain.<sup>32</sup>

Sebagai contoh, dalam *Saḥīḥ al-Bukhāriy* terdapat beberapa topik perbahasan tentang *Muṣṭalah al-Ḥadīth* seperti tentang *ḥaddathanā* dan *akhbaranā*, tentang *al-*

---

<sup>29</sup> Nur al-Dīn 'Itr (2003), *opcit*, h. 58.

<sup>30</sup> *Ibid*, h.60 .

<sup>31</sup> Muhammad bin Idrīs Al-Shāfi'ī, (t.t), *al-Risālah*, Tah: Dr. 'Abd al-Latīf al-Hamim et.al, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah h.

<sup>32</sup> Sayyid 'Abd al-Mājid al-Ghūrī (2007), *'Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth Nash'atuh wa Taṭawwuruh wa Takāmuluh*, Dimāsq: Dār Ibn Kathīr, h. 50-52.

*munāwalah*, tentang *samā' al-saghīr*, perbahasan tentang keluar menuntut ilmu, penulisan ilmu dan lain-lain.<sup>33</sup> Imam Muslim bin al-Hajjāj (m.261H), dalam mukadimah kitab sahihnya antaranya membincangkan pembahagian khabar, adab-adab periwayatan, kedudukan sanad sebahagian dari agama dan lain-lain.<sup>34</sup> Begitu juga dengan *Al-Jāmi' al-Sahīh*<sup>35</sup> dan *Ilal al-Saghīr*<sup>36</sup> oleh Imam al-Tirmidhī.

Metodologi *muḥaddithīn* pada zaman ini juga mengetengahkan penulisan tentang ilmu hadis dalam kitab berasingan mengikut perbahasan bab-bab tertentu. Di antara penulisan yang lahir seperti *Gharīb al-Ḥadīth* oleh Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām (m.224H), *Al-Thiqāt* oleh Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān al-Bustiy (m.354H), *Al-Du'afā'* oleh al-Imām al-Bukhāriy (m.256H), *Al-Du'afā' wa al-Matrūkūn* oleh al-Imām al-Nasā'i Aḥmad bin Aliy bin Syu'īb (m.303H), *Al-Ṭabaqāt al-Kubrā* oleh Muḥammad bin Sa'd Kātib al-Waqidiy (m.330H) dan lain-lain.<sup>37</sup>

Berdasarkan penelitian yang dibuat, metodologi *muḥaddithīn* dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* pada waktu ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis metod penulisan iaitu Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang bercampur dengan ilmu lain, penulisan yang berlaku dalam kitab-kitab hadis sendiri dan penulisan berasaskan ilmu-ilmu tertentu dalam Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

---

<sup>33</sup> Muḥammad bin Isma'īl Al-Bukhāriy (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, Tah: al-Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh, t.p, j.1, h. 22-42.

<sup>34</sup> Muḥyī al-Dīn al-Nawawiy (2004), *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, Tah: al-Shaykh Khalīl Ma'mūn Shiha, Bayrūt: Dār al-Ma'rifāh, j.1 h. 20-88.

<sup>35</sup> Muḥammad bin 'Isa Al-Tirmidhī (1999), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Tah: Dr. Muṣṭafa Muḥammad Ḥayn al-Dhahabiy, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, c.1, h. 453-472.

<sup>36</sup> *Ibid*, h. 544-562.

<sup>37</sup> Sayyid 'Abd al-Mājid al-Ghūrī (2007), *Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth Nash'atuh wa Taṭawwuruh wa Takāmuluh*, Dimāsq: Dār Ibn Kathir, h. 50-52.

### 1.3.3 Penyusunan dan Pembukuan Ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* dalam Kitab Berasingan

Peringkat ini bermula pertengahan kurun keempat hijrah sehingga awal kurun ketujuh hijrah.<sup>38</sup> Metodologi yang lahir di kalangan *muḥaddithīn* pada peringkat ini ialah melakukan penulisan ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* ini di dalam kitab yang berasingan. Metodologi penulisan dan penyusunan yang dilakukan dengan mengumpul kaedah-kaedah yang diterima dari ulama-ulama terdahulu menyeluruh meliputi semua jenis ilmu hadis yang disusun dan ditulis dalam sesebuah kitab tertentu.

Al-Qāḍī Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥman bin Khalād al-Rāmahurmuzī (m.360H) merupakan *muḥaddith* pertama yang menghasilkan kitab *Al-Muḥaddith al-Fāsil bayna al-Rāwī wa al-Wā‘ī* yang membahaskan tentang ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* dalam sebuah kitab. Perbahasan kitab mencakupi tatatertib perawi dan *muḥaddith*, teknik penerimaan dan penyampaian hadis, kesungguhan para ulama dalam mengembangkan ilmu ini dan lain-lain yang berkaitan dengan ilmu hadis.<sup>39</sup>

Usaha-usaha beliau ini diikuti oleh *muḥaddithīn* selepasnya iaitu:

1. Abū ‘Abd Allāh Mūḥammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysabūrī (m.405H) karyanya *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth* yang membahaskan 52 cabang ilmu hadis.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup> Nur al-Dīn ‘Itr (2003), *opcit*, h. 63.

<sup>39</sup> *Ibid*, h. 63.

<sup>40</sup> *Ibid*, h. 64.

2. Abū Nu‘aym Aḥmad bin ‘Abd Allāh al-Aṣbahānī (m.430H) karyanya *al-Mustakhrāj ‘alā Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth* mengandungi perbincangan-perbincangan yang tidak dibincangkan al-Hakim dalam kitabnya dan kerana ini dinamakan *al-Mustakhrāj*.<sup>41</sup>
3. al-Khatīb al-Baghdādīy (m.463H) karyanya *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*,<sup>42</sup> *al-Jāmi‘ lī Akhlāqī al-Rāwī wa Adāb al-Sāmi*<sup>43</sup> dan lain-lain.
4. al-Qāḍī al-‘Iyyād bin Mūsā al-Yaḥṣubī (m.544H) karyanya *al-Ilmā‘ ilā Ma‘rifah ‘Uṣūl al-Riwāyah wa Taqyīd al-Simā‘* yang mengandungi 19 bab perbincangan tentang ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.<sup>44</sup>
5. Abū Ḥafṣ ‘Umar bin ‘Abd al-Majīd al-Mayānjī (m.580H) karyanya *Mā lā yasa‘u al-Muḥaddith Jahluh*.<sup>45</sup>

Keistimewaan metodologi karya-karya di atas adalah setiap pendapat ulama yang dibawa disertakan dengan sanad. Karya-karya yang lahir pada peringkat ini merupakan kitab *turāth* yang khusus dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* yang sampai kepada kita pada hari ini. Karya-karya inilah yang menjadi rujukan utama para ulama selepasnya dalam menghasilkan karya-karya dalam ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*.

#### 1.3.4 Zaman Kegemilangan ilmu *Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*

---

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid*, h. 65.

Peringkat ini bermula dari kurun ketujuh hijrah hingga kurun kesepuluh hijrah.<sup>46</sup>

Peringkat ini juga dikatakan Zaman Kegemilangan dalam ilmu ini kerana telah sampai ke peringkat kematangan dan kesempurnaan metodologi ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Pada peringkat lahir ini sejumlah kitab yang mempunyai metodologi penulisan yang tersusun merangkumi seluruh cabang ilmu hadis.

*Muḥaddith* yang menjadi pelopor dalam pembukuan ilmu hadis ialah *al-Muḥaddith al-Faqīh al-Ḥāfiẓ al-Uṣūlī* Abū ‘Amr Uthmān bin al-Ṣalāḥ (m.643H) dengan karyanya yang berjudul *Ma‘rifah Anwā’ ‘Ilm al-Ḥadīth* yang terkenal dengan nama *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*.<sup>47</sup> Keistimewaaan metodologi kitab ini menjadikan para *muḥaddithīn* selepasnya banyak menghasilkan karya-karya dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang dihasilkan dalam bentuk kitab *sharah*, kitab *al-nukat*, kitab *mukhtasar* dan kitab *manzumat* berasaskan kepada karya beliau.

Antara kitab-kitab *shurūh Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ* seperti *al-Jawāhir al-Ṣiḥah fī Sharḥ ‘Ulūm al-Ḥadīth li Ibn al-Ṣalāḥ* oleh al-Imām Shaykh al-Islām ‘Izz bin Jamā‘ah (m.767H), *Al-Shadhā al-Fayyāḥ min ‘Ulūm Ibn al-Ṣalāḥ* oleh Burhan al-Dīn Abī Ishāq wa Abī Muḥammad Ibrāhīm bin Mūsā bin Ayyūb al-Abnāsiy al-Qāhiriyy (m.802H) dan *Maḥāsīn al-Iṣṭilāḥ wa Taḍmīn Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ* oleh Shaykh al-Islām Sirāj al-Dīn Abī Ḥafṣ ‘Umar bin Raslān bin Naṣīr al-Miṣriyy al-Bulqīnī (m.805H).<sup>48</sup>

Manakala *al-Nukāt* bagi kitab *Muqaddimah ibn al-Salah* seperti *Al-Nukat alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ* oleh Imām Badr al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Bahādūr bin

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 66.

<sup>48</sup> Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghūrī (2007), *op.cit.*, h. 75.



‘Abd Allāh al-Zarkashī al-Miṣrī (m.794H), *Al-Taḳyīd wa al-Īdāh limā uṭliqa wa ughliqa min kitāb ibn al-Ṣalāh* oleh al-imām al-ḥāfiẓ Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl ‘Abd al-Raḥīm bin al-Husayn bin ‘Abd al-Raḥmān al-‘Irāqī (m.806H), *Iṣlāḥ Ibn al-Ṣalāh* oleh ‘Alā’ al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḡlaṭay bin Qulayj al-Bakjarī al-Miṣriy (m.762H) dan lain-lain.<sup>49</sup>

Antara *Mukhtasarnya* pula seperti *Irshād Ṭullāb al-Haqā’iq ilā Ma’rifah Sunan Khayr al-Khalā’iq s.a.w* oleh al-Imām al-Nawawī (m.676H), *Rusūm al-Taḥdīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Abū Muḡammad Ibrāhīm bin ‘Umar al-Ja‘bariy (m.732), *al-Manhal al-Rāwī fī al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh Muḡammad bin Ibrāhīm Ibn Jamā‘ah (m.733), *al-Khulāṣah fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Ḥusayn bin Muḡammad al-Ṭīybiy (m 743) dan lain-lain.<sup>50</sup>

Dan kitab *Manzumat* bagi kitab tersebut ialah *Maḡāsin al-Iṣṭilāḥ wa Taḍmīn Kitāb Ibn al-Ṣalāh* oleh Sirāj al-Dīn Abī Ḥāfṣ ‘Umar bin Rasalān bin Naṣr al-Bulqinī (m.805), *Aqṣā al-Amal wa al-Sūl fī ‘Ulūm Aḡādīth al-Rasūl (Manzūmah Ibn Jalīl)* oleh al-Imām Shihāb al-Dīn Abī al-‘Abbās Aḡmad bin Khalīl bin Sa’ādah al-Khuwayyī al-Azarbayjānī (m.693H) dan *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah* oleh al-Imām al-‘Irāqiy (m.806).<sup>51</sup>

Manakala karya-karya lain selepas Ibn al-Ṣalāh seperti berikut:

1. *al-Iqtirāḥ fī Bayān al-Iṣṭilāḥ* oleh Ibn Daḡiq al-‘Īd (m.702)
2. *al-Mawqīzah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth* oleh al-Imām al-Dhahabiy (m.748H)

---

<sup>49</sup> *Ibid*, h. 78.

<sup>50</sup> *Ibid*, h. 84.

<sup>51</sup> *Ibid*, h. 89.

3. *Mukhtasar Jāmi' li Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh al-Sayyid al-Sharīf Abī al-Ḥassan 'Aliy Muḥammad al-Jurjāniy al-Hanafiy (m.816)
4. *Jawāhir al-Uṣūl fī 'Ilm Ḥadīth al-Rasūl* oleh al-Allāmah Abī al-Faḍl Muḥammad bin al-Fārisī (m.847H)
5. *Tanqīḥ al-Anzār* oleh al-Shaykh Muḥammad bin Ibrāhīm al-Wazīr al-San'āniy (m.840)
6. *Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, - syarahnya *Nuzhah al-Nazar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikr* oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalāni (m.852)
7. *Al-Tadhkirah fī 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh al-Imām Sirāj al-Dīn bin al-Mulaqqīn (m.893)
8. *Fatḥ al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyyah al-Ḥadīth* oleh al-Imām al-Sakhāwī (m.902H)
9. *Fatḥ al-Bāqī bi Sharḥ Alfīyyah al-Irāqiy* oleh al-Imām al-Ḥāfiẓ Zayn al-Dīn Abī Yaḥyā Zakariyyā bin Muḥammad bin Aḥmad al-Miṣriy (m.926H)
10. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī* oleh al-Suyūṭiy (m.911H)<sup>52</sup>

### 1.3.5 Metodologi *Muḥaddithīn* Pada Zaman Kemunduran ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*

Zaman ini bermula dari abad kesepuluh hijrah sehingga abad keempat belas hijrah.<sup>53</sup>

Metodologi *muhaddithin* pada zaman lahir dengan penulisan kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang ringkas dalam bentuk syair dan prosa.<sup>54</sup> Antara karya yang lahir berasaskan metodologi ini seperti:

<sup>52</sup> Nur al-Dīn 'Itr (2003), *op.cit*, h. 67-68.

<sup>53</sup> Nur al-Dīn 'Itr (2003), *op.cit*, h. 69.

<sup>54</sup> *Ibid*

1. *Muṣṭalahāt Ahl al-Athār ‘alā Sharḥ Nukhbah al-Fikr* oleh Mulla ‘Aliy al-Qārī (m.1031)
2. *al-Yawāqīt wa al-Durar fī Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikr* oleh al-Munāwī (m.1031)
3. *Zufr al-Amānī fī Sharḥ Muhktasar al-Jurjāniy* oleh al-Shaykh Abū al-Ḥasanat Muḥammad ‘Abd al-Hayy al-Laknawī (m.1034)
4. *al-Manzumah al-Bayqūnah* oleh ‘Umar bin Muḥammad al-Bayqūniy (m.1080) – mengandungi 34 bait
5. *Bahjāj al-Nazar bī Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikr* oleh Abū al-Ḥasan Muḥammad Sadiq bin ‘Abd al-Hadi al-Sindi al-Madani (m.1134) – makhṭūṭ, sharḥ Nuzhah al-Nazar sharḥ Nukhbah al-Fikr li Ibn Ḥajar
6. *Tawdih al-Afkar Sharḥ Tanqih al-Anzar* oleh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī (m.1182)<sup>55</sup>

### 1.3.6 Metodologi Muḥaddithīn Pada Masa Kini

Metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* pada zaman moden ini dapatlah dilihat dengan pembaharuan sistematika penulisan yang lebih sistematik dalam memperluaskan pemahaman yang mudah dalam ilmu ini. Antara karya awalnya seperti:

1. *Manhaj Zawī al-Nazar fī Sharḥ al-Manzūmah ‘Ilm al-Athār*, al-Shaykh Muḥammad Maḥfūz bin ‘Abd Allah al-Turmusiy (m.1329) – syarah Alfiyah al-Suyūṭiy
2. *Qawā‘id al-Taḥdīth*, Jamāl al-Dīn al-Qāsimiy (m.1332)
3. *Tawjīh al-Nazar ūla ‘Uṣūl al-Athār*, al-Shaykh Tāhir bin Ṣālih al-Jazā’iriy (m.1338)
4. *Qawā‘id fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, al-Shaykh Zufr Aḥmad al-‘Uthmāniy al-Tahanawiy (m.1394)

---

<sup>55</sup> *Ibid*

5. *al-Manhal al-Ḥadīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqāniy (m.1948)

Manakala berasaskan perkembangan pesat metodologi dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*, pembahagian kaedah penulisan ini dapatlah dilihat berasaskan aspek berikut:

- i) Kitab-kitab yang ditulis khusus tentang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* seperti *al-Wasīṭ fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. Muḥammad bin Muḥammad Abū Shuhbah (m.1403H), *‘Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalāḥuh* oleh Dr. Ṣubḥī al-Ṣāleh, *Lamahāt fī Uṣūl al-Ḥadīth* oleh Dr. Muḥammad Adīb Ṣāleh dan lain-lain.<sup>56</sup>
- ii) Kitab-kitab yang ditulis berasaskan *al-ṭarīqah al-manhajīyyah* seperti *al-Manhaj al-Ḥadīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. Muḥammad bin Muḥammad al-Samāhī (m.1404H), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. Nur al-Dīn ‘Itr, *al-Manhaj al-Ḥadīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. Sharaf al-Quḍāt dan *al-Manhaj al-Ḥadīth fī Tashīl ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Dr. ‘Aliy Nayif al-Biqā’ī.<sup>57</sup>
- iii) Kitab-kitab yang berbentuk mu’jam dalam ilmu mustalah hadith seperti *Mu’jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthīyyah* oleh Dr. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Qāmūs Muṣṭalahāt al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh al-Shaykh Muḥammad Siddīq al-Mansyawī, *Mu’jam Muṣṭalahāt al-Ḥadīth wa Latā’if al-Asānīd* oleh Dr. Muḥammad Ḍiyā al-Raḥman dan lain-lain.<sup>58</sup>

---

<sup>56</sup> Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghūri (2007), *op.cit.*, h.129-135.

<sup>57</sup> *Ibid.*, h. 137-141.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 143-146.

iv) Kitab-kitab yang mempertahankan hadis nabi seperti *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tashrī' al-Islāmiy* oleh Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī (m.1373H), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn* oleh Dr Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn* oleh Dr Muḥammad 'Ajāj al-Khatīb dan lain-lain.<sup>59</sup>

v) Kitab tentang sejarah ilmu hadis dan cabangnya seperti *al-Risalah al-Mustatrafah li bayan Masyhur Kutub al-Sunnah al-Musharrafah* oleh al-Sayyid Muhammad bin Ja'far al-Kattani (m.1345H), *Tarikh Funun al-Hadith* oleh al-Ustadh Muhammad 'Abd al-'Aziz al-Khuli, *Lamahat min Tarikh al-Sunnah wa 'Ulum al-Hadith* oleh al-Shaykh Muhammad al-Fattah Abu Ghuddah dan lain-lain.<sup>60</sup>

#### 1.4 Kesimpulan

Sejarah perkembangan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah merupakan suatu yang penting bagi menjamin proses penjagaan ketulenan hadis Rasulullah saw kekal sehingga ke hari ini. Usaha-usaha yang bermula dari para sahabat r.a, diikuti para tābi'īn, tābi' tābi'īn seterusnya ulama-ulama besar dalam bidang hadis khususnya, perlu dicontohi oleh umat islam hari ini.

Kewujudan ribuan malah jutaan karya dalam bidang hadis ini, seharusnya diketahui dan diamati agar ketajaman pemikiran sebagai umat Islam terbina untuk kebaikan

---

<sup>59</sup> *Ibid*, h. 147-148.

<sup>60</sup> *Ibid*, h. 149 -152.

umat Islam sendiri. Kehebatan para ulama besar dalam bidang ini dengan menghasilkan karya-karya yang tidak terbilang jumlah adalah satu khazanah yang ditinggalkan agar ianya dapat dimanfaatkan sebagai mutiara ilmu dalam menegakkan agama islam yang tercinta. Oleh yang demikian, kesempatan ini untuk memanfaatkan karya-karya yang ditinggal masih lagi terbuka luas. Peluang untuk mencontohi semangat jihad para *muhaddithīn* ini perlu agar kemunculan karya-karya baru wujud sebagai mutiara ilmu dalam bidang hadis khususnya.

## BAB KEDUA

### BIOGRAFI AL-RĀMAHURMUZĪ (m. 360H/971M) DAN AL-KHATĪB AL-BAGHDĀDIY (392H/1002M-463H/1071M)

#### 2.1 Biografi al-Rāmahurmuzī (m. 360H/971M)

##### 2.1.1 Nama Penuh, Keturunan dan Gelaran

Nama penuh beliau ialah al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥman bin Khallād al-Fārisī al-Qāḏīy al-Rāmahurmuzī, Abū Muḥammad.<sup>61</sup> al-Rāmahurmuzī dinisbahkan kepada salah satu bandar di negeri Khuzstan yang terletak di Parsi iaitu di Barat Daya Iran berdekatan dengan Teluk Arab. Beliau juga dikenali sebagai Ibn Khallād. Gelaran lain ialah *al-Ḥāfiẓ al-Imām al-Bārī*, *muḥaddith al-‘Ajam*<sup>62</sup>, *muḥaddith*, *ḥāfiẓ*, *adīb* dan *syā’ir*. Beliau juga terkenal dengan gelaran *ṣāhib kitāb al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā’i*.

##### 2.1.2 Kelahiran

Beliau dilahirkan di Rāmahurmuz tempat di mana beliau membesar. Tahun kelahiran beliau tidak disebutkan oleh ahli sejarah. Walaubagaimana pun pendapat yang paling

---

<sup>61</sup> Abū Sa’d ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin Manṣūr al-Sam’ānī (1966), *al-Ansāb*, Maṭba’ah Majlis Dā’irah al-Ma’ārif al-‘Uthmaniyyah Haydrabāt, c.1, j. 6, h.47. Shahāb al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Yaḳūt bin ‘Abd Allāh al-Rūmī al-Hamawī (t.t), *Mu’jam al-Uḏabā*, Tah: Dr. ‘Umar Farūq al-Ṣabāh, Mu’assasah al-Ma’ārif Bayrūt, j.3, h. 308. Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr al-Suyūṭī (t.t), *Ṭabaqat al-Ḥuffāz*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah Bayrūt, h. 370. Abū ‘Abd Allāh Shams al-Dīn al-Dhahabī (t.t), *Tazkirah al-Ḥuffāz*, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy Bayrūt, j. 3 h.905. Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabiy (1990), *Siyar al-‘Ālām al-Nubalā*, Mu’assasah al-Risālah Bayrūt, j. 16, h.73. Ismā’īl Bāshā al-Baghdādiy (1901), *Hadiyyah al-‘Arifin ma’a al-Muṣallīn wa ‘Asr al-Muṣannifīn*, j.1, h.270. ‘Umar Riḏā Kaḥḥālāh (t.t), *Mu’jam al-Mu’allifīn Tarājum Muṣannif al-Kutub al-‘Arabiyah*, Maktabah al-Mathnā Lubnan, j.3, h.235. Khayr al-Dīn al-Zirikī (t.t), *al-‘Ālām*, Dār al-‘Ilm al-Malayīn Bayrūt, j. 2, h.194.

<sup>62</sup> Al-Dhahabiy (2001), *op.cit.*, j. 16, h.73.

sahih menyatakan tahun kelahirannya pada tahun 265 H. Pendapat ini berasaskan pandangan al-Sam'ānī bahawa al-Rāmahurmuzī telah memulakan rehlah ilmiah sebelum tahun 290 H.<sup>63</sup>

### **2.1.3 Latarbelakang Pendidikan**

Tentang latar belakang pendidikan beliau, tidak dinyatakan dengan terperinci dalam sumber yang ada. Walau bagaimana pun menjadi kebiasaan ulama-ulama silam, guru pertama dalam hidup mereka kebiasaannya bermula daripada ayah mereka sendiri. Begitu juga dengan al-Rāmahurmuzī, ayahnya merupakan salah seorang gurunya dan ini menunjukkan pendidikan beliau bermula dirumah.

Beliau memulakan rehlah ilmiah sebelum tahun 290H dan pernah menuntut ilmu dengan *jamā'ah ahli shirāz*. Kemudian beliau kembali pada tahun antara 345H atau 346H dan *jamā'ah ahli shirāz* pula menuntut dengannya.<sup>64</sup>

### **2.1.4 Pandangan Ulama**

Ketokohan seseorang ilmuan itu, tidak sunyi daripada pujian-pujian ulama terkemudian sebagai mengenang jasa, kehebatan dan kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu. Begitu juga dengan al-Rāmahurmuzī, ketokohan beliau tidak sunyi daripada pujian-pujian oleh para ilmuan selepasnya.

---

<sup>63</sup> al-Sam'ānī (1966), *op.cit*, j. 6, h.47.

<sup>64</sup> *Ibid*.



Dalam pada itu al-Sam'ānī berpendapat beliau adalah seorang yang mempunyai kelebihan dalam ilmu hadis dan merupakan ketua kadi-kadi di negeri khuz<sup>65</sup> pada ketika itu. Manakala Yaqūt pula menyatakan beliau adalah al-Qāḍī al-Khallādī daripada *aqrān* al-Tanūkhī<sup>66</sup>, sesungguhnya beliau telah memuji Abū Shujā' dengan puji-pujian dan di antara Wazīr al-Muhallabī dan Abū al-Faḍl bin al-'Amīd<sup>67</sup>

Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm pula mengatakan beliau adalah pengarang yang baik, mempunyai karya-karya yang bagus, menempuh jalan yang susah dan beliau adalah penyair dan sesungguhnya beliau telah mendengar dan meriwayatkan hadis.<sup>68</sup>

Seterusnya al-Dhahabiy pula menyatakan beliau adalah seorang *al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Bāri'*, *muḥaddith al-'Ajam*. Beliau gemar menulis, mengumpul dan mengarang. Beliau seiring dengan ahli hadis dan seorang yang *thabit*<sup>69</sup>, seorang penyampai dan penyair.<sup>70</sup>

Begitulah antara gambaran ketokohan dan kehebatan al-Rāmahurmuzī yang dinyatakan oleh ulama terkemudian dalam menyatakan bahawa dia salah seorang ulama yang dipercayai akan ketinggian ilmunya.

### 2.1.5 Guru-guru

---

<sup>65</sup> Al-Sam'ānī (1966), *op.cit.*, j. 6, h.47.

<sup>66</sup> Beliau adalah Abū al-Qāsim 'Alīy bin Muḥammad bin Dawud Abī al-Fahm bin Ibrāhīm al-Tanūkhī. Beliau seorang kadi, sasterawan dan penyair.

<sup>67</sup> Yaqūt, *op.cit.*, j.3, h.307.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Thābit* bermaksud perawi yang bersifat *ādil* dan *dābit*. *Glosari Hadith*, h.18.

<sup>70</sup> Al-Dhahabiy (2001), *op.cit.*, j. 16, h. 73-74.

Sepertimana ulama lain, al-Rāmahurmuzī berguru dengan ulama-ulama terkenal yang tidak terbilang ramainya. Sebagaimana yang disusun oleh Dr. Muḥammad 'Ajjāj al-Khatīb bahawa bilangan guru-gurunya adalah seramai 202 orang.<sup>71</sup> Antara guru-gurunya yang masyhur ialah:

1. Ayahnya, Abū 'Abd al-Raḥman bin Khallād al-Rāmahurmuzī
2. Abū Ḥaṣīn Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Wādi'ī (m.296H)
3. Abū Ja'far Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Khaḍramī (m.297H)
4. Abū Ja'far Muḥammad<sup>72</sup> bin al-Ḥusayn al-Khasha'ī (m.315H)
5. Abū Ja'far 'Umar bin Ayyūb al-Saqṭī (m.303H)
6. Abū 'Abd Allāh al-Ḥusayn bin Muḥammad bin 'Ufayr al-Anṣāriy (m.315)
7. Abū Bakr Ja'far bin Muḥammad al-Firyābī (m.301H)
8. Abū Bakr al-Ahwāziy Aḥmad bin Maḥmūd bin Ḥar zad (m.356H)
9. Abū Yaḥyā Zakariyā bin Yaḥyā bin 'Abd Allāh al-Sājī (m.307H)
10. Abu al-Qasim 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-'Aziz al-Baghawī (m.317H) dan lain-lain.<sup>73</sup>

### 2.1.6 Murid-murid

Sebagai seorang ulama yang hebat, beliau tidak ketinggalan dalam menyampaikan ilmu-ilmu kepada anak-anak muridnya. Walaubagaimana pun kebanyakan sumber tidak menyatakan dengan terperinci tentang murid-muridnya. Antara murid-muridnya yang tersenarai antaranya seperti berikut:

---

<sup>71</sup> Al-Ḥasan bin 'Abd al-Raḥman al-Rāmahurmuzī (1971), *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*, Tah: Dr. Muḥammad 'Ajjāj al-Khatīb, Dar al-Fikr, c.1, h. 660.

<sup>72</sup> Al-Dhahabiy (2001), *op.cit.*, j. 16, h. 73.

<sup>73</sup> *Ibid*, h.19

1. Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad al-Ṣaydāwī
2. al-Ḥasan bin al-Layth al-Shīrāzī
3. Abū Bakr Aḥmad bin Mūsā bin Mardawayh
4. al-Qādī Abū 'Abd Allāh Aḥmad bin Ishāk al-Nuhāwandī dan lain-lain.<sup>74</sup>

### 2.1.7 Sumbangan Ilmiah

Sepertimana ulama-ulama lain, al-Rāmahurmuzī tidak ketinggalan meninggalkan sumbangan ilmiah kepada generasi terkemudian. Hasil-hasil karya beliau dapatlah disenaraikan seperti berikut:

1. *Adāb al-Mawā'id*
2. *Adāb al-Nāṭiq*
3. *Imām al-Tanzīl fī 'Ilm al-Qur'ān*
4. *Amthāl al-Nabīy s.a.w*
5. *Rabī' al-Mutayyam fī Akhbār al-'Usshāq*
6. *Risālah al-Safar*
7. *al-Rathā' wa al-Ta'āzīy*. Kitab ini juga dikenali dengan nama *al-Marāthī wa al-Ta'āzīy*
8. *Kitāb al-Rayhānatayn: al-Ḥasan wa al-Ḥusayn*. Sesetengah sumber menyebutkan (*Kitāb al-Rujhān bayna al-Ḥasan wa al-Ḥusayn*)
9. *al-Shayb wa al-Shabāb*
10. *al-'Ilal fī Mukhtār al-Akhbār*

---

<sup>74</sup> *Ibid*, h. 74

11. *al-Falak fī Mukhtār al-Akhhbār wa al-‘Ash’ār*
12. *Mubāsatah al-Wuzarā’*
13. *al-Nawādir wa al-Shawārid*
14. *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā’i*
15. *al-Manāhil wa al-A’ṭān wa al-Ḥanīn ilā al-Awṭān*<sup>75</sup>

### **2.1.8 Kewafatan**

Sejarah kewafatan hanya dinyatakan secara ringkas. Beliau wafat pada tahun 360H di tempat asalnya di Rāmahurmuz.<sup>76</sup>

---

<sup>75</sup> Ismā’īl Bāshā al-Baghdādiy (1901), *op.cit.*, j.1, h.270.

<sup>76</sup> Al-Dhahabiy (1970), *op.cit.*, j. 3, h.906.

## 2.2 Biografi al-Khatīb al-Baghdādiy (392H/1002M-463H/1071M)

### 2.2.1 Nama Penuh, Keturunan dan Gelaran

Nama penuh beliau ialah Abū Bakr Aḥmad bin ‘Aliy bin Thābit bin Aḥmad bin Mahdī bin Thābit<sup>77</sup> al-Baghdādiy *Ṣāhib al-Taṣānīf*<sup>78</sup>. Beliau lebih masyhur dengan gelaran al-Khatīb al-Baghdādiy.<sup>79</sup>

Beliau juga diberi gelaran *al-Ḥāfiẓ al-Kabīr al-Imām Muḥaddith wa al-‘Irāq*. Gelaran *al-khatīb* dinisbahkan kepada tugas ayahnya sebagai khatib bagi solat Jumaat dan solat dua hari raya, manakala al-Baghdādiy dinisbahkan kepada Kota Baghdad sebagai kota kelahirannya. Beliau ada menyatakan dalam *Tarīkh Baghdād*<sup>80</sup> tentang bapanya ‘Aliy bin Thābit bin Aḥmad bin Mahdī berasal dari keturunan Arab dan telah mengembara dan menetap di al-Ḥaṣāshah di persisiran Sungai Furat.<sup>81</sup>

### 2.2.2 Kelahiran

---

<sup>77</sup> Umar Riḍā Kaḥḥālah (t.t), *op.cit*, j.2 h. 2. Abū al-Qāsim ‘Aliy bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh Ibn ‘Asākir (1979), *Tahzīb Tarīkh Dimāsq al-Kabīr*, Dār al-Maysarah Bayrut, c.2, j. 2, h. 399. Abū Sa’d ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin Manṣūr al-Sam‘ānī (1966), *op.cit*, j. 5, h. 166. Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aliy bin Ibn Muḥammad bin ‘Aliy bin al-Jawziy (1359H), *al-Muntaẓam fī Tarīkh al-Mulūk wa al-Umam*, j. 8, h. 265. Yāqūt (t.t), *op.cit*, j.4 h. 13. Muḥib al-Dīn bin al-Najārah al-Baghdādiy (1986), *al-Mustafād min Dhayl Tarīkh al-Baghdād*, Mu’assasah al-Risālah Bayrut, c.1, h. 151. Abū Muḥammad bin As’ad bin ‘Aliy bin Sulayman al-Yāfi’ī (1970), *Mir’ah al-Jinān wa ‘Ibrah al-Yaqzān fī Ma’rifah ma yu’tabarū min Hawādith al-Zamān*, Mu’assasah al-‘Alamī Bayrut, c.2, j. 3, h. 87. Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abī Bakr bin Khallikān (1978), *Wafayāt al-‘A’yān wa Anbā’ al-Zamān*, Dār al-Ṣādir Bayrut, j.1 h. 92. Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr (1977), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Maktabah al-Ma’ārif Bayrūt, c.2, j. 11, h. 101. ‘Abd al-Raḥīm al-Asnawī (1987), *Tabaqāt al-Shāfi’iyah*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah Bayrūt, c.1, j. 1, h. 99. Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (1990), *op.cit*, j. 18, h. 270. Abū ‘Abd Allāh Shams al-Dīn al-Dhahabī (t.t), *Tazkirah al-Huffāz*, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy Bayrut, j.3 h. 1135. Jamāl al-Dīn Abī al-Mahāsin Yusūf bin Taghrī Bardī al-Atābaki (t.t) *al-Nujūm al-Zāhirah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah*, Mu’assasah al-Miṣriyyah al-‘Ammah, j. 5, h. 87. Abū al-Falaḥ ‘Abd al-Ḥayy bin al-‘Imād al-Ḥanbalī (1350H), *Shahazarāt al-Dhahab fī Akhbar man Dhahab*, Maktabah al-Qudsi (t.t.p), j. 3, h. 311. ‘Izz al-Dīn ibn al-Athīr al-Jazarī (t.t), *al-Lubāb fī Tahzīb al-Ansāb*, Maktabah al-Mathnā Baghdād, j. 1, h. 453. Taj al-Dīn Ibn Naṣr ‘Abd al-Wahhab Ibn Taqiy al-Dīn al-Subkī (t.t), *Tabaqāt al-Shāfi’iyah al-Kubra*, j. 3 h. 12. Khayr al-Dīn al-Zirikli (t.t).*op.cit*, j. 1, h. 172. ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr al-Suyūṭī (1994), *op.cit*, h. 433. Ṣalah al-Dīn Khalīl bin Ayyāk al-Ṣafādī (1992), *Kitāb al-Wafī bi al-Wafayāt*, j. 7, h. 190.

<sup>78</sup> Ibn Khallikān, *ibid*.

<sup>79</sup> ‘Umar Riḍā Kaḥḥālah, *ibid*.

<sup>80</sup> AbūBakr Aḥmad bin ‘Aliy al-Khatīb al-Baghdādiy (t.t), *Tarīkh Baghdād wa Madīnah al-Salām*, Dār al-Kitāb al-‘Arabī Bayrūt, J.11 h. 359.

<sup>81</sup> Iaitu sebuah perkampungan yang berhampiran dengan istana ibn Hubayrah salah seorang pembesar Kūfah. Lihat Yāqūt (t.t), *Mu’jam Buldān*, j.2 h. 274.

Al-Khatīb al-Baghdādiy dilahirkan di Ghuzayyah pada hari Khamis dalam bulan Jamadil Akhir tahun 392 H bersamaan 1002 M.<sup>82</sup> Ada juga yang berpendapat beliau dilahirkan di sebuah tempat yang dikenali sebagai Bahniqiyah.<sup>83</sup>

Namun begitu, ada juga pendapat lain mengatakan beliau lahir pada tahun 391H<sup>84</sup>. Pendapat ini telah dinyatakan oleh Ibn al-Jawziy, Ibn Kathīr dan lain-lain. Pendapat ini adalah bersandarkan kepada kenyataan bahawa beliau mula-mula mendengar hadis pada tahun 403H iaitu ketika beliau berumur sebelas tahun. Jika kelahirannya pada tahun 391H, ini menunjukkan umurnya pada tahun 403H adalah sepuluh tahun.

### 2.2.3 Latarbelakang Keluarga

Mengenai latar belakang keluarganya, menurut al-Khatīb al-Baghdādiy di dalam *Tārīkh Baghdād*, ayahnya adalah seorang hafiz, imam dan khatib bagi solat Jumaat dan solat dua hari raya di kampungnya iaitu Qaryah Dār Zījān iaitu salah sebuah kampung di Iraq yang berhampiran dengan Kota Baghdad.<sup>85</sup> Ayahnya telah mendapat gelaran *al-Khatīb* setelah berkhidmat sabagai imam dan khatib selama 20 tahun.<sup>86</sup>

---

<sup>82</sup> Ibn 'Asākir (1979), *op.cit*, h. 399. Ibn Khallikān (1978), *op.cit*, h. 92. Yāqūt (t.t), *op.cit*, h. 13.

<sup>83</sup> al-Şafadī (1992), *op.cit*, h. 190.

<sup>84</sup> Ibn al-Jawziy (1359H), *op.cit*, h. 265. Ibn Kathīr (1977), *op.cit*, h. 101.

<sup>85</sup> al-Khatīb al-Baghdādiy (t.t), *op.cit*, h. 359.

<sup>86</sup> Al-Subkī, *op.cit*, j.3 h. 12.

## 2.2.4 Latarbelakang Pendidikan

Dalam menelusuri latarbelakang pendidikan al-Khatīb al-Baghdādiy, Dr. Maḥmūd Ṭaḥḥān telah membahagikan kepada tiga peringkat iaitu:<sup>87</sup>

1. Peringkat permulaan menuntut ilmu dan pendidikan umum.
2. Peringkat pengembaraan ilmiah dalam menuntut ilmu hadis.
3. Peringkat mengarang dan mengajar ilmu hadith.

Ini merupakan kebiasaan yang dilalui oleh para *muhaddithīn* dalam usaha mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan.

Al-Khatīb al-Baghdādiy hidup di bawah jagaan ayahnya. Beliau telah diasuh dengan ruh ilmu dan taqwa serta diajar untuk mencintai al-Qur'an dan menghadiri majlis ulama. Ketika sampai umur baligh beliau telah dihantar kepada Hilāl Ibn 'Abd Allāh al-Ṭībīy untuk belajar membaca, menulis, membaca al-Qur'an berdasarkan *wujūh qirā'at*.<sup>88</sup>

### 2.2.4.1 Pendidikan Awal

Pendidikan awal al-Khatīb al-Baghdādiy bermula ketika berumur sebelas tahun. Ayahnya telah menghantar beliau untuk mendengar hadis (*samā' al-ḥadīth*) di Jāmi' al-Madīnah di Baghdad dan mempelajarinya dengan Ibn Razqawayh. Selain itu,

---

<sup>87</sup> Maḥmūd Ṭaḥḥān (1981), *al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fi 'Ulūm al-Ḥadīth*, c.1, t.t.p, h. 28.

<sup>88</sup> Ibn al-Jawzīy (1359H), *op.cit*, h. 265.

beliau juga telah berguru dengan Abū Ḥāmid al-Asfirāyayniy sehingga mencapai tingkat tertinggi dalam Mazhab Shāfi‘ī. Beliau meneruskan pengajian sehingga gurunya meninggal dunia. Beliau juga bergurukan Shaykh al-Shāfi‘iyyah Aḥmad bin Muḥammad al-Maḥamiliy dan Abū al-Ṭayyib al-Ṭabarī sehingga beliau menjadi salah seorang daripada ulama besar fekah Mazhab Shafi‘i. Setelah menuntut ilmu fiqh sehingga mendapat gelaran *faqīh*, beliau meneruskan jihad menuntut ilmu hadis untuk sampai ke peringkat yang tinggi.

#### **2.2.4.2 Pengembaraan Ilmiah**

Sebelum memulakan pengembaraan di luar Kota Baghdad, terlebih dahulu beliau mengelilingi bandar-bandar dan perkampungan-perkampungan di sekitar kota itu. Sebagaimana yang telah dinukilkan dalam Tārīkh Baghdād, antara tempat yang dilalui ialah Jarjarāya, ‘Ubkār, Ba‘kūb, al-Anbār, al-Nahrawān dan Dar Zījān.

Di Jarjarāya beliau telah berguru dengan Bakran bin Ṭayyib al-Saqtī. Di ‘Ubākr beliau telah berguru dengan al-Ḥasan bin Shihāb al-‘Akbarī, Abū Hafs ‘Umar b. Aḥmad b. ‘Uthman al-Bazzār, Aḥmad bin ‘Aliy bin Ayyūb al-‘Ukbarī dan al-Ḥusayn bin Muḥammad al-‘Aqūlī. Di Ba‘kūbā pula beliau telah berguru Muḥammad bin al-Ḥasan bin Hamidun al-Qāḍī. Di al-Anbār, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad al-Lakhmī dan Abū Ṭāhir Muḥammad bin Aḥmad bin Abī al-Saqr al-Khatīb. Di al-Nahrawān, Aḥmad bin ‘Umar al-Nahrawānī. Di Dar Zījān, Abī al-Ḥusayn Aḥmad bin ‘Umar bin ‘Aliy al-Qāḍī.<sup>89</sup>

---

<sup>89</sup> al-Dhahabiy (t.t), *op.cit.*, h. 1135.



Di dalam menelusuri pengembaraan ilmiah al-Khatīb al-Baghdādiy, ia dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:<sup>90</sup>

- i. Pengembaraan pertama ke Baṣrah dan Kūfah<sup>91</sup>
- ii. Pengembaraan kedua ke Naysabūr<sup>92</sup>
- iii. Pengembaraan ketiga ke Makkah al-Mukarramah<sup>93</sup>

## 2.2.5 Guru-guru

Permulaan al-Khatīb al-Baghdādiy dalam menuntut ilmu ketika beliau berumur sepuluh tahun. Guru beliau yang pertama ialah Ibn Razqawayh (bidang hadith). Al-Khatīb al-Baghdādiy dalam usahanya menuntut ilmu telah bertemu dan berguru dengan ramai ulama yang masyhur. Pengembaraan ilmu yang banyak menjadikan guru-guru beliau terdiri di kalangan para ilmuan di pelbagai tempat antaranya:<sup>94</sup>

Di Asbahan:

1. Abū al-Ḥasan bin ‘Abd al-Kuwayh

---

<sup>90</sup> Maḥmūd Ṭaḥḥān (1981), *op.cit.*, c.1, t.t.p, h. 34.

<sup>91</sup> Beliau telah memulakan pengembaraan yang pertama pada tahun 412 H ketika berumur 20 tahun iaitu di sekitar Baghdad . Pengembaraan yang pertama ini beliau telah ke Kota Basrah. Di sana beliau telah berguru dengan ulama’-ulama’ hadith besar. Antara mereka ialah al-Qādī Abu ‘Umar al-Qāsim bin Ja‘far bin ‘Abd al-Wāhid al-Hāshimiy dimana beliau telah mendengar sebanyak 32 hadith. Selain itu, Abū al-Ḥasan ‘Aliy bin al-Qāsim bin al-Ḥasan al-Shāhid, mendengar sebanyak 11 hadith, Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Aliy bin Aḥmad bin Bashār al-Naysābūriy dan Abū al-Ḥasan ‘Aliy bin ‘Aḥmad bin Ibrāhīm al-Bazzār. Kemudian beliau kembali ke Baghdad pada tahun tersebut juga. Beliau sempat singgah di Kufah berguru dengan *muḥaddithīn* di sana. Dalam tempoh ini juga beliau telah mengarang karangan yang bertajuk *al-Riḥlah fī Ṭalab al-Ḥadith*. Sekembalinya ke Baghdad, ayahnya meninggal dunia pada hari Ahad, pertengahan bulan Syawal pada tahun tersebut dan telah dikebumikan di *Maqbarah Bab Harb*. al-Khatīb al-Baghdādiy (t.t), *op.cit.*, h. 359.

<sup>92</sup> Selepas kematian ayahnya, beliau kembali semula mengelilingi Baghdad untuk menuntut ilmu hadith sehingga timbul keazaman dalam dirinya untuk mengembara lebih jauh. Kemudian beliau meneruskan pengembaraan ke Naysābūr, Aṣbahan, Rayy, Hamadhān, Dinawār dan al-Jabāl. Di Naysābūr beliau telah mendengar hadith daripada Abū Bakr al-Harshiy, Abū Sa‘īd al-Ṣayrafīy, al-Qādī Abū Bakr al-Hīriy, Abū Ishāq al-Armawiy, Abū ‘Abd al-Raḥman al-Hīriy, Abū Bakr al-Muqri’, Abū Bakr al-Aṣbahānī, Abū Ḥazīm al-‘Abdawī dan Abū al-Qāsim al-Siraj dan lain-lain. *Ibid.*

<sup>93</sup> Pengembaraan beliau yang ketiga iaitu pengembaraan untuk menunaikan haji pada tahun 444H. Beliau memulakan perjalanannya dengan menuju ke Damshiq dan tiba di sana pada tahun 445H. Beliau sempat mendengar hadith daripada sebilangan besar *muḥaddithīn* di situ seperti Abū al-Ḥasan Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid bin ‘Uthmān bin al-Qāsim al-Tamīmī, Abū al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Hanā‘ī dan lain-lain. Kemudian beliau menyambung perjalanannya ke Makkah al-Mukarramah. *Ibid.*

<sup>94</sup> Al-Dhahabiy, *opcit.*, J.3 h. 1136.

2. Muḥammad bin ‘Abd Allāh b. Shahiyar
3. Abū Nu‘aym al-Hāfiẓ

Di Dīnawar:

1. Abū Naṣr al-Kassār

Di Hamadhan:

1. Muḥammad bin ‘Īsa

Di Baghdād:

1. Abū ‘Umar bin Mahdī
2. Abū al-Ḥasan bin al-Ṣallat al-Ahwāziy

### 2.2.6 Murid-murid

Murid-murid al-Khatib al-Baghdadiy terdiri daripada guru-guru beliau sendiri, *aqrān*<sup>95</sup> dan juga mereka yang menghadiri halaqah pengajarannya. Antara murid beliau dari kalangan guru beliau ialah Aḥmad bin Muḥammad Abū Bakr al-Birqāniy dan Abū al-Qāsim al-Azhariy.

Manakala di kalangan *aqrān* (*ḥaddatha ‘anhum wa ḥaddithu anhu*) antaranya ialah:

1. Ibrāhīm bin ‘Aliy al-Fayruzabādiy, Abū Ishāk al-Shirāziy (m.476H)

---

<sup>95</sup> *Aqrān* dalam istilah *muhaddithīn* bermaksud kaum yang hampir sama umur dan isnad (*shaykh*) Ibn al-Ṣalah (2001), *Muqaddimah Ibn al-Ṣalah*, tah: Dr. ‘Abd al-Ḥāmid Handawiy, c.1, Maktabah al-‘Asriyyah, h. 156.

2. Aḥmad bin al-Ḥasan bin Aḥmad bin Khayrūn, Abū Faḍl (m.488H)
3. ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad, Abū Muḥammad al-Kattāniy (m.466H)
4. ‘Aliy bin Hibah Allāh bin Ja‘far, Abū Naṣr Ibn Mākūlā (m.487H)
5. al-Mubāarak bin ‘Abd al-Jabbār, Abū al-Husayn al-Ṭuyūriy (m.500H)
6. Muḥammad bin Futūḥ bin ‘Abd Allāh, Abū ‘Abd Allāh al-Humaydiy al-Magribiy al-Andalusiyy (m.488H)
7. Naṣr bin Ibrāhīm bin Naṣr al-Maqḍisiyy (m.490H)<sup>96</sup>

Manakala dari kalangan murid-murid yang mengikuti majlis ilmu beliau antaranya:

1. Aḥmad bin Aḥmad, Abū al-Sa‘ādāt al-Mutawakkiliyy (m.521H)
2. Ismā‘īl bin Aḥmad, Abū al-Qāsīm al-Samarqadiyy (m.538H)
3. Haydarah bin Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Anṣāriyy (m.506H)
4. Ṭahīr bin Sahl bin Bishr bin Aḥmad al-Asfirayayniyy al-Sā’igh (m.531)
5. ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Zurayq al-Shaybaniyy, Abū Manṣūr al-Qazāz (m.535)
6. Muḥammad bin al-Ḥusayn bin ‘Aliy bin Ibrāhīm al-Shaybaniyy, Abū Bakr al-Marzūqiyy (m.527H)
7. Muḥammad bin Muḥammad bin Zayd al-‘Alwiyy al-Baghdādiyy, Abū al-Ma‘āliyy al-Sharīf al-Murtaḍā (m.480H)
8. Muḥammad bin Marzūq al-Za‘farāniyy (m.517H)
9. Yaḥyā bin ‘Aliy, Abū Zakariyā al-Khatīb al-Tibriziyy (m.502H)
10. Yusūf bin Ayyub, Abū Ya‘kub al-Hamadhāniyy (m.535H) dan lain-lain<sup>97</sup>

<sup>96</sup> Yūsuf al-‘Ishsh (1945), *al-Khatīb al-Baghdādiyy Mu’arrikh Baghdād wa Muhaddithuhā*, Matba‘ah al-Tarqiy Dimashq, h. 83-84.

<sup>97</sup> *Ibid*, h. 89-90.

### 2.2.7 Sumbangan Ilmiah

Al-Khatīb al-Baghdādiy tidak ketinggalan dalam menghasilkan sejumlah karya-karya penting yang menjadi warisan kepada ilmuan islam pada masa kini. Gambaran terhadap kehebatan beliau dalam menghasilkan karya dapat dilihat berdasarkan pandangan para ulama. Al-Dhahabiy dan al-Subkī menyatakan, “*Sahib al-Tasanif al-Muntashirah*<sup>98</sup>”.

Manakala Ibn ‘Asākir menjelaskan beliau adalah salah seorang imam yang masyhur dan seorang pengarang yang memiliki sejumlah karya yang banyak<sup>99</sup>. Begitu juga dengan Ibn al-Jawziy menyatakan, beliau mengarang kitab yang bagus, jauh sekali untuk mencari seumpamanya.<sup>100</sup>

Sumbangan beliau meliputi karya bidang hadis dan ‘*Ulūm al-Ḥadīth*, fiqh dan usul fiqh, *adāb*, *tarīkh* dan akhbar. Dalam menentukan jumlah karya beliau berdasarkan bidang, Yūsuf al-‘Ishsh telah menyatakan dalam bidang ‘*Ulūm al-Qur’ān* sebanyak 57 kitab, bidang fiqh sebanyak 47 kitab, bidang hadith 65 kitab, bidang al-*Tarīkh* (termasuk Ilmu *Rijāl*) 158 kitab, bidang al-*Adāb* 44 kitab dan ‘*Ulūm al-Lughah al-Arabiyyah* sebanyak 18 kitab.<sup>101</sup>

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan jumlah karya al-Khatīb al-Baghdādiy. Menurut al-Sam‘ānī, jumlah karya beliau yang menjadi sandaran kepada ahli hadis mencecah hampir seratus karya.<sup>102</sup> Ibn ‘Asākir, Yaqūt pula menyatakan sebanyak 56

---

<sup>98</sup> al-Dhahabī (t.t), *op.cit*, h. 1135.

<sup>99</sup> Ibn ‘Asākir (1979), *op.cit*, h. 399.

<sup>100</sup> Ibn al-Jawziy (1359H), *op.cit*, h. 265.

<sup>101</sup> Yūsuf al-‘Ishsh (1945), *op.cit*, h. 144 -145.

<sup>102</sup> al-Sam‘ānī (1966), *op.cit*, h.166.

karya.<sup>103</sup> Manakala Dr. Yūsuf al-‘Ish dan Dr. Mahmūd Ṭaḥḥān pula menyatakan jumlah karya beliau mencecah lapan puluh karya.<sup>104</sup>

### 2.2.7.1 Hasil Karya dalam bidang hadith

Secara keseluruhan karya beliau dalam bidang hadith dan ‘*Ulum al-Hadith* seperti berikut iaitu:

1. *al-Ḥadīth*
2. *al-Aḥādīth al-Mukhrajah*
3. *Muṣṭalah al-Ḥadīth*
4. *Ādāb al-Muḥaddith*
5. ‘*Ilm Rijāl al-Ḥadīth*

#### 2.2.7.1.1 *al-Ḥadīth*<sup>105</sup>

1. *al-Amālī*
2. *Kitāb fīh Ḥadīth (al-Imām Ḍāmin wa al-Mu’azzin Mu’tamin)*
3. *Ḥadīth ‘Abd al-Raḥman bin Samrah, wa Turuqih – dua juzuk –*
4. *Ḥadīth al-Nuzūl*
5. *Kitāb fīh Ḥadīth ( naḍḍara Allah Imra’an sami’a minna ḥadīthan)*
6. *Ṭarīq Ḥadīth (Qabḍ al-‘Ilm) – tiga juzuk –*

<sup>103</sup> Ibn Asakir (1978), *op.cit.*, h. 402

<sup>104</sup> Mahmūd Ṭaḥḥān (1981), *op.cit.*, h. 122-125. Yūsuf al-‘Ishsh (1945), *op.cit.*, h.121-134.

<sup>105</sup> Akram Ḍiyā’ al-‘Umariy (Dr) (1985), *Mawārid al-Khatīb al-Baghdādīy fī Tārīkh Baghdād*, c.3, Riyad: Dar al-Tayyibah, h. 56-57.

7. *Ḥadīth ( Ṭalab al- 'Ilm Farīdah 'alā kulli Muslim)*
8. *Majmū' Ḥadīth Abī Ishāq al-Shaybānī – tiga juzuk –*
9. *Majmū' Ḥadīth Muḥammad bin Juhārah, wa Bayān bin Bashr, wa Ṣafwan bin Sulaym, wa Maṭr al-Warāq wa Mis 'ar bin Kidām*
10. *Majmū' Ḥadīth ( aw Musnad ) Muḥammad bin Sawqah – tiga juzuk –*
11. *Kitab al-Sunan*
12. *Musnad Abī Bakr al-Ṣiddīq r.a – tiga juzuk –*
13. *Musnad Ṣafwan bin 'Assāl*
14. *Musnad Nu 'aym bin Hammāz al- 'Athfānī – satu juzuk –*
15. *Ḥadīth Ja 'far bin Ḥayyān*
16. *Ḥadīth Sittah min al-Tābi 'īn wa dhazakara turuqih*
17. *al-Musalsalāt – tiga juzuk*
18. *al-Rabī 'āt – tiga juzuk*

#### **2.2.7.1.2 al-Aḥādīth al-Mukhrajah<sup>106</sup>**

1. *Kitāb Aṭrāf al-Muwattā'*
2. *Juz' fih Aḥādīth Mālik bin Anas*
3. *'Umālī al-Jawharī, Takhriḥ Abī Bakr al-Khatīb, Riwayāh Muḥammad bin al-Bazzār*
4. *Fawā'id Abī al-Qāsim al-Nursī, Takhriḥ al-Khatīb – 20 juzuk*
5. *Fawā'id 'Abd Allāh bin 'Alī bin 'Iyyād al-Ṣūrī – 4 juzuk*

---

<sup>106</sup> *Ibid*, h. 58.

6. *al-Fawā'id al-Muntakhabah al-Ṣiḥḥah wa al-Gharā'ib. Intiqā' al-Khatīb min Ḥadīth al-Sharīf Abī al-Qāsim 'Alī bin Ibrāhīm bin al-'Abbās bin 'Abī al-Jin al-Ḥusnā – 20 juzuk*
7. *al-Fawā'id al-Muntakhabah al-Ṣiḥḥah wa al-Gharā'ib, takhrīj al-Khatīb li Abī al-Qāsim al-Mahrawāni*
8. *al-Fawā'id al-Muntakhabah al-Ṣiḥḥah wa al-Gharā'ib, takhrīj al-Khatīb, li Ja'far ibn Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Sarrāj al-Qārī'*
9. *Majlis min Imlā' Abī Ja'far Muḥammad bin Aḥmad bin al-Musallamah, takhrīj al-Khatīb*
10. *Muntakhab min Ḥadīth Abī Bakr al-Shīrāzī wa ghayrih*

#### **2.2.7.1.3 Muṣṭalah al-Ḥadīth<sup>107</sup>**

1. *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*
2. *al-Faṣl li al-Waṣal al-Mudarraḥ fī al-Naql – 9 juzuk*
3. *al-Ijāzah li al-Ma'dūm wa al-Majhūl*
4. *Bayān Ḥukm al-Mazīd fī Muttaṣil al-Asānid*

#### **2.2.7.1.4 Ādāb al-Muḥaddith<sup>108</sup>**

1. *Iqtida' al-'Ilm al-'Amal*
2. *Sharf Ashāb al-Ḥadīth*

---

<sup>107</sup> *Ibid*, h. 59.

<sup>108</sup> *Ibid*, h. 63.

3. *Naṣīḥah Ahl al-Ḥadīth*
4. *al-Riḥlah fī Ṭalab al-‘Ilm*
5. *Taqyīd al-‘Ilm*
6. *al-Jāmi’ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi’*

#### 2.2.7.1.5 ‘*Ilm Rijāl al-Ḥadīth*’<sup>109</sup>

1. *al-Asmā’ al-Mubhamah fī al-Anbā’ al-Muḥkamah – satu juzuk-*
2. *al-Asmā’ al-Mutawāṭi’ah wa al-Ansāb al-Mutakāfi’ah*
3. *Talkhīs al-Mutashābih fī al-Rasm wa Himāyah ma ashkala minh ‘an bawādir al-Taṣhīf wa al-Wahm*
4. *Tālī al-Talkhīs – 4 juzuk*
5. *al-Tabyīn li asmā’ al-Mudallisīn – 2 juzuk*
6. *al-Taḥṣīl li Mubham al-Marāsīl – 1 juzuk*
7. *Tamyīz al-Mazīd fī Muttaṣil al-Asānīd – 8 juzuk*
8. *Rāfi’ al-Irtiyāb fī al-Maqlūb min al-Asmā’ wa al-Ansāb – 1 jilid*
9. *al-Ruwah ‘an Shu‘bah – 8 juzuk*
10. *al-Ruwah ‘an Mālik bin Anas wa zukira ḥadīth likulli minhum – 9 juzuk*
11. *Riwayat al-Ṣaḥābah ‘an al-Ṭabi‘īn – 1 juzuk*
12. *Riwayah al-Aba’ ‘an al-Abna’ – 1 juzuk*
13. *Ghaniyyah al-Multamis fī Idah al-Multabis – 1 jilid*
14. *Kitāb fawā’id al-Nasab*
15. *Kitab al-Muttafaq wa al-Muftariq – 16 juzuk*
16. *Man ḥadatha wa nasiya – satu juzuk*

---

<sup>109</sup> *Ibid*, h. 69



17. *Man wāfaqat kunyatih Ism Abih mimma la Yu'min wuqū' al-Khaṭā' fih* –  
3 juzuk
18. *al-Mu'tanif fi Takmilah al-Mukhtalif wa al-Mu'talif* – 4 juzuk
19. *al-Mukmal fi bayān al-Muhmal* – 8 juzuk
20. *Kitāb al-Wafayāt*
21. *al-Sābiq wa al-Lāhiq fī tubā'id ma bayna wafāt al-Rawiyyīn 'an shaykh wāhid* – 9 juzuk
22. *Kitāb Mawḍih Awham al-Jam' wa al-Tafrīq*

#### **2.2.7.2 Hasil Karya dalam bidang lain**

Al-Khaṭīb al-Baghdādiy, di samping menghasilkan karya-karya dalam bidang hadis beliau juga tidak ketinggalan menghasilkan sejumlah karya dalam bidang-bidang lain yang tidak sedikit jumlahnya iaitu:

1. *al-Tārīkh*
2. *Kutub al-'Aqā'id*
3. *Uṣūl Fiqh*
4. *al-Adāb*

##### **2.2.7.2.1 *al-Tarīkh*<sup>110</sup>**

1. *Tarīkh Bahgdād*

---

<sup>110</sup> *Ibid*, h.76

2. *Manāqib al-Shāfi`ī*
3. *Manāqib Aḥmad bin Ḥanbal*

#### 2.2.7.2.2 *Kutub al-‘Aqā’id*<sup>111</sup>

1. *Mas’alah al-Kalām fī al-Ṣifāt*
2. *al-Qawl fī ‘Ilm al-Nujūm*

#### 2.2.7.2.3 *Uṣūl al-Fiqh*<sup>112</sup>

1. *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*
2. *al-Dalā’il wa al-Shawāhid ‘ala Ṣiḥḥah al- ‘Amal bi khabar al-Wāhid*
3. *Nahj (Manhaj) al-Ṣawāb fī an al-Tasmiyah Āyah min Fātiḥah al-Kitāb – 2 juzuk*
4. *Ibtāl al-Nikāḥ bi Ghayr Waliy – 1 juzuk*
5. *Idhā Aqīmat al-Ṣalāh falā Ṣalāh illā al-Maktūbah*
6. *al-Jahr bi Bism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm fī al-Ṣalāh – 2 juzuk*
7. *al-Ḥayl – 4 juzuk*
8. *Dhakara Ṣalāh al-Tasbīḥ wa al-Aḥādīth allati ruwiyat ‘an al-Nabiyy s.a.w. fīhā wa ikhtilāf al-fāz al-Nāqilayn*
9. *al-Ghasl li al-Jum‘at – 2 juzuk*

---

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> *Ibid.*, h. 77.

10. *al-Qunūt wa al-Athār al-Marwiyyah fīh ‘alā Ikhtilāfihā wa tartībihā ‘alā Madhhab al-Shāfi’ī – 3 juzuk*
11. *al-Nahy ‘an Yawm al-Shak – 1 juzuk*
12. *al-Wuḍū’ min mas al-Dhakar*
13. *Mas’alah al-Ihtijāj li al-Shāfi’ī fīmā asnada ilayh wa al-Rad ‘alā al-Ṭā’inīn bi ‘azm jahlihim ‘alayh – 1 juzuk*
14. *Bayān Ahl al-Darajāt al-‘Ulā*
15. *Kitāb fī Khutbah ‘Ā’ishah fī al-Thanā’ ‘alā Abīh*
16. *al-Muntakhab min al-Zuhd wa al-Raqā’iq*

#### 2.2.7.2.4 *al-Ādāb*<sup>113</sup>

1. *al-Tanbīh wa al-Tawqīf ‘alā faḍā’il al-Kharīf*
2. *al-Bukhalā’*
3. *al-Ṭatfīl wa Hikāyāt al-Tufaylīn wa nawādir kalāmuhum wa ash‘āruhum*<sup>114</sup>
4. *Kashf al-Asrār*

#### 2.2.8 Sakit dan Kewafatan

Al-Khatīb al-Baghdādiy telah sakit pada pertengahan bulan Ramadan dan keadaannya menjadi tenat pada awal bulan Zulhijjah yang membawa kepada

---

<sup>113</sup> *Ibid*, h. 81.

<sup>114</sup> al-Dhahabiy (t.t), *op.cit*, h. 1144.

kewafatannya. Ulama bersepakat tentang kewafatannya iaitu pada waktu *duḥā*, hari Isnin, 7 Zulhijjah 463H bersamaan 1071M.<sup>115</sup> Beliau telah disolatkan di Jāmi‘ al-Manṣūr dan dikebumikan pada hari Selasa di *Bāb Harb*.<sup>116</sup> Doanya ketika minum air zamzam termakbul setelah beliau telah dikebumikan bersebelahan makam Bishr al-Ḥāfiy<sup>117</sup>

---

<sup>115</sup> *Ibid.* Ibn ‘Asakir (1979), *op.cit.*, h. 401. Yaqūt (t.t), *op.cit.*, h. 44. Ibn al-Jawziy (1359H) *op.cit.*, h. 266. ‘Izz al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Aliy bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wahīd al-Shaybānī, Ibn al-Athīr (1966), *op.cit.*, J.10, h. 68. Jamāl al-Dīn Abī al-Mahāsīn Yūsuf bin Taghri Bardi al-Atābaki (t.t) *al-Nujūm al-Zahīrah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah*, Mu‘assasah al-Misriyyah al-‘Ammah, j. 5, h. 87.

<sup>116</sup> Ibn ‘Asakir (1979), *op.cit.*, h. 401.

<sup>117</sup> Nama penuh beliau Ibn ‘Abd al-Raḥman bin ‘Atā’. Dilahirkan pada hari Jumaat, bulan Rabiulawal. Beliau adalah *al-Imām al-‘Alīm al-Muḥaddīth al-Zāhid al-Rabbāni al-Qudwah, Shaykh al-Islām*. Gelaran beliau ialah Abū Naṣr al-Marwaziyy, al-Baghdādiy tetapi lebih masyhur dengan gelaran al-Ḥāfiy. al-Dhahabiy (1990), *op.cit.*, j. 10, h. 469.

## BAB TIGA:

### PENGENALAN KITAB *AL-MUḤADDITH AL-FĀṢIL*<sup>118</sup> DAN KITAB *AL-KIFĀYAH*<sup>119</sup>

#### 3.1 Pengenalan

Tumpuan penulis terhadap kitab ini akan dilihat dari beberapa aspek penting iaitu pengenalan kepada kedua-dua kitab, definisi tajuk kitab, faktor pendorong penulisan kitab, metodologi penulisan kitab secara ringkas.

Pemilihan kitab ini sebagai tumpuan kerana kedua-dua kitab *turāth* ini adalah antara sumber primer dalam bidang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang berada dalam senarai lapan<sup>120</sup> buah kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang masyhur atau dikenali dengan *Ummuhāt al-Kutub fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. *Kitāb al-Muḥaddith al-Fāṣil* merupakan kitab yang pertama yang disusun secara berasingan sebagai kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth* dan *Kitāb al-Kifāyah* merupakan kitab yang ketiga diselangi *Kitāb Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh al-Hākim al-Naysābūriy. Perbezaan antara kewafatan dan kelahiran kedua-dua pengarang kitab lebih kurang 32 tahun.

---

<sup>118</sup> Penulis telah menggunakan kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī* yang telah ditahqiq oleh Dr. Muḥammad 'Ajjāj al-Khatīb terbitan Dār al-Fikr tahun 1971.

<sup>119</sup> Penulis telah menggunakan *Kitāb al-Kifāyah fī Ma'rifah Uṣūl 'Ilm al-Riwāyah* yang telah ditahqiq dan ta'līq oleh Abū Ishāq Ibrāhīm bin Muṣṭafā Aliy Bahjāj al-Dimyāṭiy terbitan Dar al-Huda tahun 2003.

<sup>120</sup> Menurut Ibn Hajar al-'Asqalāniy lapan buah kitab tersebut ialah *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī* oleh al-Rāmahurmuziy (360H), *Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh al-Ḥākim al-Naysābūri (405H), *al-Mustakhrāj 'alā Ma'rifah 'Ulūm al-Ḥadīth* oleh Abū Nu'aym al-Aṣbahāniy (430H), *al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah* oleh al-Khatīb al-Baghdādiy (463H), *al-Jāmi' li akhlāq al-Rāwī wa Adāb al-Sāmi'* oleh al-Khatīb al-Baghdādiy (463H), *al-Ilmā' ilā Ma'rifah Uṣūl al-Riwāyah wa Taqyīd al-Samā'* oleh Qādī 'Iyyād (544H), *Mā lā yasa'a al-Muḥaddith Jahluh* oleh al-Mayānji (581H) dan *'Ulūm al-Ḥadīth* oleh Ibn al-Ṣalāh (643H). Lihat Mahmud Tahhan (Dr) (1981), *op.cit.*, h.391.

## 3.2 **Kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil***

### 3.2.1 **Pengenalan Kitab**

Kitab ini digambarkan sebagai kitab yang pertama dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang ditulis secara berasingan dan khusus hanya membincangkan aspek-aspek berkenaan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* sahaja, di mana sebelum atau pada zamannya masih belum ada penulisan tentang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* secara khusus dalam sebuah kitab.

Kitab ini ditahqiq oleh Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib dan cetakan pertama diterbitkan oleh Dar al-Fikr pada tahun 1971.

### 3.2.2 **Definisi Tajuk Kitab**

Tajuk penuh bagi kitab ini ialah *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*. Ada juga disebut dengan tajuk *al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*.<sup>121</sup> Dalam *Hadiyyah al-'Arifīn* disebut dengan *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī fī 'Ulūm al-Ḥadīth*.<sup>122</sup>

Walaubagaimana pun, tajuk yang masyhur yang sering digunakan ialah *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*. Daripada tajuk ini dapatlah diterjemahkan seperti berikut:

---

<sup>121</sup> Yaqūt (t.t), *op.cit*, j.13, h.307.

<sup>122</sup> Ismā'īl Bāshā al-Baghdādiy (1901), *op.cit*, j.1, h.270.

- *Al-Muḥaddith* bermaksud gelaran bagi seseorang yang hafaz hadis dan mahir dalam bidang Hadis dan Ulum Hadis.<sup>123</sup>
- *Al-Fāsil* bermaksud yang memisahkan.<sup>124</sup>
- *Al-Rāwī* bermaksud seseorang yang meriwayatkan hadis dengan sanadnya sama ada dia memahaminya atau tidak.<sup>125</sup>
- *Al-Wā'ī* bermaksud seorang yang menerima dan menghafaz hadis<sup>126</sup>

Daripada terjemahan tersebut dapatlah difahami tajuk kitab ini bermaksud seorang ahli hadis yang lengkap antara seorang perawi dan seorang yang faham dalam ilmu hadis.

### 3.2.3 Objektif Penulisan Kitab

Sudah menjadi kebiasaan pengarang bahawa lahirnya sesebuah karya berasaskan faktor-faktor tertentu. Begitu juga dengan al-Rāmahurmuzī, di mana faktor pendorong penulisan kitab ini ada tersirat di dalam mukadimah kitabnya, walaupun ia tidak dinyatakan secara jelas.

Antara faktor-faktor yang mendorong penulisan kitab sebagaimana yang dinukilkan dalam kitabnya ialah:

---

<sup>123</sup> *Glosari Hadith*, h. 51

<sup>124</sup> Muhammad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawī (1350H), *Qamūs Idrīs al-Marbawī*, Mustafa al-Babi al-Halabi Mesir, c.4, h. 91.

<sup>125</sup> (199), *Glosari Hadith*, h. 27.

<sup>126</sup> al-Marbawī (1350H), *op.cit.*, h. 393.

- Inisiatif pengarang untuk menentang golongan yang mengganggu urusan ahli hadis dan golongan yang mencela ahli hadis seolah-olah mereka ini orang yang tidak berilmu.
- Untuk menerangkan kelebihan ahli hadis dalam menyampaikan sunnah dan menjaganya serta untuk menyampaikan kepada fuqaha' untuk mengistinbat hukum agama walaupun mereka mensia-siakan sunnah dan menghilangkan dalil-dalil.<sup>127</sup>

### 3.2.4 Isi Kandungan Kitab

Kitab ini mengandungi 22 bab<sup>128</sup> termasuk mukadimah kitab. Secara keseluruhan kitab ini terdiri sebanyak 904<sup>129</sup> matan yang dibawa secara bersanad. Berdasarkan kitab yang ditahqiq oleh Dr. Muḥammad 'Ajjāj al-Khatīb, ia mengandungi 303 buah hadith<sup>130</sup>, 45 buah syair<sup>131</sup> dan 10 *amthāl*<sup>132</sup>.

Intisari isi kandungan kitab ini dapatlah dilihat sebagaimana berikut:

- **Bab pertama** dibawa berkenaan dengan kelebihan seorang yang membawa sunnah Rasulullah s.a.w. iaitu yang bertajuk:

- باب فضل الناقل لسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم

<sup>127</sup> Mahmud Ṭaḥḥān (1981), *al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, t.t.p, h.396.

<sup>128</sup> Rujuk lampiran 2

<sup>129</sup> al-Rāmāhurmuẓī (1971), *op.cit*, h.624

<sup>130</sup> *Ibid*, h.639

<sup>131</sup> *Ibid*, h.666

<sup>132</sup> *Ibid*, h.668



- **Bab kedua** dibawa berkenaan dengan kelebihan seorang penuntut ilmu hadis yang bertajuk:

- باب فضل الطالب لسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم والراغب فيها  
والمستن به

- **Bab ketiga** dibawa berkenaan niat dalam menuntut ilmu yang dikhususkan kepada menuntut ilmu hadis di bawah perbincangan yang bertajuk:

- باب النية (في طلب الحديث)

- **Bab Keempat** dibawa tentang sifat-sifat penuntut hadis di bawah tajuk:

- باب القول في أوصاف الطالب، والحد الذي إذا بلغه صلح يطلب فيه

- **Bab Kelima** membahaskan tentang sifat-sifat dan adab-adab penuntut di bawah tajuk:

- أوصاف الطالب وآدابه

- **Bab Keenam** membahaskan tentang *al-'ālī* dan *al-nāzil* di bawah tajuk:

- القول في التعالي والتتزل (في طلب الحديث)

- **Bab Ketujuh** menceritakan tentang *muhaddithīn* yang melakukan rehlah dalam mendapatkan satu-satu hadis. Perbincangan dibuat di bawah tiga tajuk berikut:

- الراحلون الذين جمعوا بين الأقطار

- الذين قصدوا ناحية واحدة للقاء من بها

- من لا يرى الرحلة والتعالي في الاسناد اذا حصل له الحديث مسموعا

- **Bab Kelapan** membawakan kisah dan cerita berkaitan *muhaddithīn* di bawah bab yang bertajuk:

- القول في فضل من جمع بين الرواية والدراية

- **Bab Kesembilan** ini berkaitan tentang ilmu *al-'asma' wa al-kunā wa al-ansāb wa al-alqāb* di bawah tajuk berikut:

- المعروفون بأجدادهم المنسوبون اليهم دون آبائهم

- ومن أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم ممن يعرف بجده وينسب اليه
  - من يعرف بكنية جده وينسب اليه
  - المنتسبون الى أمهاتهم
  - المعروفون بغير أسمائهم إما بلقب أو بنعت أو معنى
  - ومن أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم ممن يعرف بلقبه أو نعته
- **Bab Kesepuluh** membicarakan tentang *al-mu'talif wa al-mukhtalif*<sup>133</sup> tentang *al-'asma' wa al-kunā wa al-ansāb wa al-alqāb* yang bertajuk:
- الأسماء والكنى المشكلة الصور التي يجمعها عصر واحد ومن المشكل
- **Bab Kesebelas** membicarakan tentang *al-Muttafaq wa Muftariq*<sup>134</sup> di bawah tajuk berikut:
- المتفقة أسماؤهم وعصورهم ورواقتهم من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم والرواة عنهم
  - المتفقة كناههم وعصورهم
  - المكنون بأبي حازم
  - المكنون أبا مريم

<sup>133</sup> *al-Mu'talif wa al-mukhtalif* bermaksud perawi yang sama nama, gelaran dan nisbah dari segi tulisan tidak pada sebutan. *Glosari Hadith*, h. 60.

<sup>134</sup> *al-Muttafaq wa al-muftariq* bermaksud perawi-perawi yang didapati ada persamaan dari segi sebutan dan tulisan pada nama-nama mereka dan nama bapa mereka tetapi berlainan orangnya. *Ibid*, h. 50.

- المكنون أبا العنيس
  - المكنون أبا بكر غير مسمين
  - المكنون أبا نعامة
  - المكنون أبا غالب
  - المكنون أبا الدهماء
  - المكنون أبا اسحاق
  - المكنون أبا الزعراء
  - ومن المشكل أيضا أسام مفردة
  - فصل آخر من الدراية يقترن بالرواية، مقصور علمها على أهل الحديث
  - القول في ترجمة المشكل، المقصور علمه على أصحاب الحديث
  - القول في المحدث والحد الذي إذا بلغه
  - القول في السؤال
- **Bab Kedua Belas** membincangkan tentang keharusan dan larangan penulisan hadis di bawah tajuk berikut:

- باب الكتاب
- من كان لا يرى أن يكتب
- من كان يكتب فاذا حفظه محاه

- من كان يحفظ ثم يكتب ما حفظ ومن كره ذلك

2. باب ذكر ما احتج به من ذهب إلى قبول المراسيل وإيجاب العمل بها، والرد عليه
3. ذكر المحفوظ عن أئمة أصحاب الحديث في أصح الأسانيد
4. باب في مراسيل سعيد بن المسيب ومن يلحق به من كبار التابعين
5. باب ذكر الفرق بين قول الراوي عن فلان وأن فلانا فيما يوجب الاتصال أو الإرسال
6. باب القول فيما روي من الأخبار مرسلا ومتصلا هل يثبت ويجب العمل به أم لا؟<sup>261</sup>

#### **4.4 Perbandingan Metodologi Penulisan Kedua-dua Kitab**

Aspek perbandingan metodologi penulisan bagi kedua-dua kitab ini berasaskan kepada dua aspek utama iaitu metode umum persembahan kitab dan metod persembahan bab.

##### **4.4.1 Metode Umum Persembahan**

###### **i) Kaedah Penyusunan Isi Kandungan**

Di dalam *al-Muḥaddith al-Fāṣil* kaedah penyusunan isi kandungan di susun dalam bentuk pembahagian bab iaitu sebanyak 22 bab. Terdapat sesetengah bab dipecahkan pula kepada tajuk-tajuk kecil.

---

<sup>261</sup>*Ibid*, h. 435 - 491

Manakala *al-Kifāyah* pula kaedah penyusunan isi kandungan dibahagikan kepada juzuk iaitu sebanyak 13 juzuk. Setiap juzuk dipecahkan pula kepada bab-bab tertentu yang terdiri daripada 161 tajuk perbahasan.

**ii) Kaedah Persembahan Kitab**

**a) Didahului dengan mukadimah kitab**

Kedua-dua kitab ini dimulakan dengan mukadimah kitab sebagai pengantar pengarang yang menggambarkan objektif dan isi kandungan kitab.

**b) Penyampaian secara bersanad**

Kedua-dua kitab mengaplikasikan penyampaian isi perbahasan secara bersanad terus kepada orang yang berkata melalui sanad guru masing-masing. Ini bermaksud setiap hadis dan pendapat ulama yang berperanan sebagai dalil dan keterangan yang dibawa adalah dibawa secara bersanad.

**4.4.2 Metode Persembahan Bab**

**4.4.2.1 Kaedah Penulisan Tajuk Bab**

Tajuk bab merupakan suatu yang penting bagi menggambarkan setiap kaedah dan keterangan yang dibawa suatu perbahasan. Setiap perbahasan bab di dalam kitab ini dinamakan dengan tajuk tertentu. Di dalam *al-Muḥaddith al-Fāṣil*, sebagaimana

yang diketahui, jumlah bagi tajuk perbahasan kitab ialah 22 bab. Bagi kaedah penulisan tajuk bab, terdapat tajuk yang dimulakan dengan perkataan "bāb" dan ada tajuk yang tidak dimulakan dengan perkataan tersebut. Terdapat 15 tajuk<sup>262</sup> yang dimulakan dengan perkataan "bab".

Contoh:

- باب فضل الناقل لسنة رسول الله صلى الله عليه وسلم<sup>263</sup>
- باب القول في أوصاف الطالب، والحد الذي إذا بلغه صلح يطلب الطالب<sup>264</sup>
- باب الكتاب<sup>265</sup>

Manakala selebihnya tidak dimulakan dengan perkataan "bāb". Sebagai contoh:

- القول في فضل من جمع بين الرواية والدراية<sup>266</sup>
- القول في التقديم والتأخير<sup>267</sup>

Di dalam *al-kifāyah*, terdapat dua kaedah al-Khatīb al-Baghdādiy dalam menamakan tajuk perbahasan iaitu dengan menggunakan 'Sighah al-'Unwan' dan 'Sighah al-Istifham'. *Sighah al-'Unwan* digunakan sekiranya perbahasan bab tersebut mudah difahami dan tidak ada khilaf mu'tabar tentangnya.<sup>268</sup>

---

<sup>262</sup> Al-Ramahurmuzi (1979), *op.cit.*, h. 163, 175, 182, 185, 363, 418, 420, 435, 517, 538, 544, 545, 549, 553, 561 dan 566.

<sup>263</sup> *Ibid.*, h. 163

<sup>264</sup> *Ibid.*, h. 182

<sup>265</sup> *Ibid.*, h. 363

<sup>266</sup> *Ibid.*, h. 238

<sup>267</sup> *Ibid.*, h. 541

<sup>268</sup> Mahmud Tahhan Dr. (1981), *al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi wa atharuh fi 'Ulum al-Hadith*, t.t.p, h 425

Contoh:

( باب الكلام في الأخبار وتقسيمها )<sup>269</sup>

Manakala *Sighah al-Istifham* digunakan bagi perbahasan bab yang terdapat khilaf tertentu.

Contoh:

( باب ما جاء في أن الحديث عن رسول الله ﷺ لا يقبل إلا من ثقة )<sup>270</sup>

Dari segi menamakan bab, kaedah yang digunakan sama seperti *al-Muḥaddith al-Fāsil* di mana terdapat bab yang di namakan oleh pengarang kitab bermula dengan perkataan bab itu sendiri dan ada pula yang bermula dengan perkataan lain. Berdasarkan penelitian yang dibuat didapati jumlah tajuk perbahasan yang tidak dimulakan dengan kalimah *bāb* sebanyak 19 bab<sup>271</sup>, manakala selebihnya menggunakan perkataan *bāb*.

Antara contoh tajuk perbahasan yang dimulakan dengan perkataan ‘*bāb*’ seperti berikut:

باب وجوب البحث والسؤال للكشف عن الأمور والأحوال<sup>272</sup> -

باب ما جاء في صحة سماع الصغير<sup>273</sup> -

<sup>269</sup> Al-Khatīb al-Baghdādiy (2002), *op.cit.*, j.1, h. 88

<sup>270</sup> *Ibid.*, h. 130

<sup>271</sup> Rujuk Al-Khatīb al-Baghdādiy (2002), *op.cit.*, j.1, h. 93, 96, 102, 105, 133, 202, 250, 403, 460 ; j.2, h. 190, 195, 304, 314, 317, 332, 341, 342, 354, 361.

<sup>272</sup> Al-Khatīb al-Baghdādiy (2002), *op.cit.*, j.1, h. 141.

<sup>273</sup> *Ibid.*, h. 198.

- باب ما جاء في سماع من كان ينسخ وقت القراءة<sup>274</sup>

Antara contoh tajuk perbahasan yang dimulakan dengan kalimah lain seperti berikut:

- معرفة الخير المتصل الموجب للقبول والعمل<sup>275</sup>

- ذكر بعض أخبار من قدمنا تسميته<sup>276</sup>

- ذكر بعض أحاديث من بين ما استثبت فيه غير الراوي وميزه<sup>277</sup>

#### 4.4.2.2 Metode Huraian Bab

Antara aspek yang terdapat dalam huraian bab *al-Muḥaddith al-Fāsil* dapatlah dinyatakan seperti berikut:

##### i) Perbahasan bab dengan membawa hadis nabawi

Sebanyak 303 daripada 904 perenggan yang disusun adalah hadis nabawi yang berperanan sebagai huraian bab. Sebagai contoh dalam bab yang pertama, *bab fadl al-naqil li sunnah*, pengarang kitab membawakan sebanyak 7 buah hadis sebagai huraian bab, antaranya:

---

<sup>274</sup> *Ibid.*, h. 232.

<sup>275</sup> *Ibid.*, j.1, h. 93

<sup>276</sup> *Ibid.*, j.1, h. 202.

<sup>277</sup> *Ibid.*, j.1, h. 250.



"... عن ابن عباس، قال : سمعت علي بن أبي طالب (رضي الله عنه) يقول: خرج

علينا رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقال : (( اللهم ارحم خلفائي )) . قلنا: يا

رسول الله، من خلفاؤك؟ قال : (( الذين يروون أحاديثي وسنتي ويعلمونها

للناس))<sup>278</sup>.

"... قال: خطب رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقال: نضر الله عبدا سمع منا

حديثا، فبلغه كما سمعه."<sup>279</sup>

## ii) Perbahasan bab dengan menggunakan sya'ir

Terdapat 45 buah sya'ir digunakan oleh al-Rāmahurmuzī dalam membuat huraian bab.<sup>280</sup> Sya'ir-sya'ir ini juga dibawa secara bersanad.

Contoh dalam bab " *bāb al-qawl fī awṣāf al-tālib*, antara sya'ir yang dibawa seperti berikut:

---

<sup>278</sup> Al-Rāmahurmuzī (1979), *op.cit.*, h. 163.

<sup>279</sup> *Ibid.*, h. 165.

<sup>280</sup> *Ibid.*, h. 666

" ... فإن عمر ابن الخطاب رضي الله عنه كان إذا أعياه الأمر المعضل دعا

الأحداث، فاستشارهم لحدة عقولهم وأنشدنا أصحابنا البغداديون:

ان الحداثة لا تقص — — بالفق المرزوق ذهنا

لكن تذكى قلبه — — فيفوق أكبر منه سن<sup>281</sup>

### iii) Perbahasan menggunakan *amthāl*

Terdapat 10 *amthāl* dipakai sebagai huraian dalam kitab ini.<sup>282</sup> Sebagai contoh dalam bab *al-qawl fī faḍl man jumi'a bayna al-riwāyah wa al-dirāyah* pengarang kitab membawakan *amthal* seperti berikut:

" قال أبو محمد: وقال بعض أصحابنا: قلت لسليمان الشاذكوني في حديث يذكر

فيه علي رضي الله عنه: ضرباته أبكار تقصر معها الأعمار ؟ قال: معناه أنه لا

يحتاج إلى أكثر من ضربة واحدة حتى يقضي على المضروب."

<sup>281</sup> *Ibid*, h. 194.

<sup>282</sup> *Ibid*, h. 668

**iv) Perbahasan dengan membawakan pendapat pengarang<sup>283</sup>**

al-Rāmahurmuzī juga membawakan pendapat beliau dalam membuat huraian bab. Pendapat beliau merupakan penjelasan kepada sesuatu kemusykilan yang timbul. Sebagai contoh, penjelasan beliau terhadap sabda nabi saw:

نضر الله امرأ سمع منا حديثاً...

Beliau menjelaskan bahawa terdapat dua pandangan dalam memahami hadis tersebut.<sup>284</sup>

Manakala dalam *al-kifāyah*, al-Khatīb al-Baghdādiy mengaplikasikan empat aspek utama dalam membuat huraian bab iaitu nas al-Qur'an, hadis, *athār* dan ijtihad beliau. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk menyampaikan penulisan beliau iaitu:

**i. Pendahuluan bab**

Pendahuluan bab setiap penulisan penting sebagai pengenalan kepada perbincangan seterusnya. Bagi al-Khatīb al-Baghdādiy, kadang-kadang perbahasan bab bagi kitabnya diikuti dengan pendahuluan bab sebelum membawa hadis atau *athār* sebagai dalil atau keterangan. Ia merupakan penerangan beliau yang dirasakan perlu

---

<sup>283</sup> Lihat; *Ibid*, h. 167, 185, 216, 265, 307, 309, 321, 352, 355, 362, 385, 386, 390, 415, 447, 448, 457, 517 dan 527.

<sup>284</sup> *Ibid*, h. 167.

sebagai penjelasan bagi bab tertentu.<sup>285</sup> Contohnya dalam bab “ *Bāb wujūb al-Baḥth wa al-Su’āl li al-Kashf ‘an al-Umūr wa al-Aḥwāl*” beliau membawakan pendahuluan yang berbunyi:

" أجمع أهل العلم على أنه لا يقبل إلا خير العدل، كما أنه لا تقبل إلا  
شهادة العدل، ولما ثبت ذلك وجب متى لم تعرف عدالة المخبر والشاهد أن  
يسأل عنهما...<sup>286</sup>"

Maksud pendahuluan yang dibawa antara lain merupakan keterangan persepakatan ahli ilmu kepada tajuk perbahasan iaitu tidak boleh diterima kecuali *khobar* yang adil. Ia dapat dilihat sebagai penjelasan umum tentang tajuk perbahasan yang dibawa berasaskan ketajaman idea yang dimiliki oleh pengarang kitab ini sendiri.

ii. **Perbahasan bab yang menggunakan fikrah pengarang secara keseluruhan.**

Dalam bab ini al-Khatīb al-Baghdādiy membawakan pendapat beliau sebagai keterangan tanpa membawa sebarang hadis atau pun *athār* sebagai dalil atau keterangan bagi bab tersebut.

Contohnya perbahasan yang dibawa dalam bab “ *Bāb al-Kalām fī al-akhbār wa taqṣīmihā*”<sup>287</sup> . Dalam bab ini al-Khatīb al-Baghdādiy telah menjelaskan tentang pembahagian *khobar* kepada *khobar mutawātir* dan *khobar ahad* dan diikuti dengan keterangan kepada pembahagian *khobar ahad* pula yang terbahagi kepada tiga jenis.

---

<sup>285</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 96, 108, 141, 180, 232, 274, 280, 286, 289, 291, 306, 307, 311, 333, 351, 357, 367, 381, 398, 431, 475, 567 dan 577; j.2, h. 30, 33, 35, 55, 83, 115, 134, 147, 155, 159, 163, 165, 208, 265, 267, 297, 314, 317, 341, 342, 352, 367, 403, 406, 409, 412, 416, 435, 447, 525, 567, 537, 538, 557 dan 560.

<sup>286</sup> *Ibid.*, j.1 h. 141

<sup>287</sup> *Ibid.*, j.1 h. 28

Dalam perbahasan ini, pengarang kitab tidak membawa sebarang dalil sebaliknya penerangan adalah berasaskan fikrah beliau semata.

Secara keseluruhan perbahasan bab seperti ini pada hemat penulis, merupakan pemikiran al-Khatīb al-Baghdādiy dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

**ii) Perbahasan bab dengan membawa nas al-Qur'an, hadis nabawi, *athār* serta pendapat ulama secara keseluruhan.**

Dalam bentuk ini keempat-empat aspek di atas berperanan sebagai keterangan bagi bab yang dibahaskan atapun dalil bagi tajuk yang dibawa. Ini bermaksud al-Khatīb al-Baghdādiy tidak membawa sebarang pendapat atau pandangan beliau sebagai keterangan.

Contohnya dalam bab “ معرفة الخبير المتصل الموجب للقبول والعمل ”<sup>288</sup> menunjukkan bahawa pendapat-pendapat yang dibawa secara bersanad berfungsi sebagai keterangan kepada tajuk perbahasan.

**iii) Perbahasan yang menggunakan fikrah pengarang diikuti dengan hadith nabi, *athār* dan pendapat ulama.**

Contohnya dalam bab:

---

<sup>288</sup> *Ibid*, j.1 h. 93

معرفة ما يستعمله أصحاب الحديث من العبارات في صفة الأخبار وأقسام الجرح  
والتعديل مختصراً.<sup>289</sup>

Dalam bab ini al-Khatīb al-Baghdādiy menjelaskan tentang *musnad*, *mursal*, *mawquf*, *munqati'* dan *mudallas* berasaskan fikrah beliau kemudian diikuti dengan *athār* yang dibawa sebagai keterangan.

#### iv) Pendapat yang dibawa dengan *sighah istifham*

Kadang-kadang keterangan berasaskan pendapat yang dibawa dengan menggunakan *sighah istifham* yang memerlukan kepada penerangan. Untuk ini al-Khatīb al-Baghdādiy membawakan pendapat atau ijihad beliau sebagai keterangan bagi bab ini.

Contohnya di dalam bab yang bertajuk:

وصف من يحتج بحديثه ويلزم قبول روايته على الإجمال دون التفصيل

Antara lain al-Khatīb al-Baghdādiy membawakan pendapat secara bersanad sebagaimana berikut:

---

<sup>289</sup> *Ibid*, j.1 h. 96

" أخبرنا أبو نعيم الحافظ ثنا أبو علي محمد بن أحمد بن الحسن ثنا بشر ابن موسى قال: قال عبد الله بن الزبير الحميدي: فإن قال قائل: فما الحديث الذي يثبت عن رسول الله (ص)، ويلزمنا الحجة به؟ قلت: هو أن يكون الحديث ثابتا عن رسول الله (صلى) متصلا غير مقطوع، معروف الرجال، أو يكون حديثا متصلا حدثنيه ثقة معروف عن رجل جهلته...<sup>290</sup>

v) **Penggunaan bab tambahan yang dinamakan dengan ‘faṣal’**

Sekiranya bab yang dibahaskan ada perincian, al-Khatīb al-Baghdādiy telah membuka tajuk perbincangan yang khusus dalam bentuk “*faṣal*”. Terdapat sembilan fasal yang telah dibentuk oleh al-Khatīb al-Baghdādiy dalam kitab ini.<sup>291</sup>

Contoh:

فصل: (( قد ذكرنا حكم السماع وأنه يصح فيل البلوغ ))

Walaupun demikian, bagi fasal-fasal yang lain tidak dinyatakan tajuk sebaliknya diteruskan dengan perbincangan.

vi) **Membawa pendapat ulama tanpa sanad**

Terdapat juga pendapat yang dibawa dengan hanya menyebut nama ulama tanpa sanad.

---

<sup>290</sup> *Ibid.*, j.1 h. 103

<sup>291</sup> *Ibid.*, j. 1 h. 298, 302, 336, 363 ; j. 2 h. 109, 212 dan 408.

Contoh 1:

وقال الفريابي في حديثه: فانظروا عمن تأخذوا دينكم<sup>292</sup>

Contoh 2:

قال عبد الله : فهذا الظاهر الذي يعمل به، والباطن ما غاب عنا ومن وهم المحدث وكذبه ونسيانه ، وادخاله بينه وبين من حدث عنه رجلا واكثر وما أشبه ذلك ، مما يمكن أن يكون ذلك على خلاف ما قال . فلم نكلف علمه إلا بشيء ظهر لنا ، فلا يسعنا حينئذ قبوله لما ظهر لنا منه.<sup>293</sup>

**vii) Membawakan ijtihad beliau sekiranya berlakunya perselisihan pendapat yang dibawa.**

Kadang-kadang beliau membawa pendapat-pendapat ulama bagi menyatakan ada perselisihan pendapat bagi sesuatu bab yang dikemukakan kemudian diikuti dengan pandangan beliau.

Contoh dalam bab “ *Bāb mā jā’a fī samā’ man kāna yansakh waqt al-Qirā’ah* ”.<sup>294</sup> Dalam bab ini beberapa pendapat ulama dibawa menjelaskan tentang *al-Samā’* kemudian diikuti oleh pendapat al-Khatīb al-Baghdādiy mentawfiqkan pendapat tersebut.

---

<sup>292</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 370

<sup>293</sup> *Ibid.*, j.1, h. 104

<sup>294</sup> *Ibid.*, j.1 h. 232



### viii) Penggunaan Istilah

Secara keseluruhan gaya bahasa yang digunakan oleh al-Khatīb al-Baghdādiy mudah kerana beliau lebih banyak membawa nas al-Qur'an, hadith nabawi dan athar sebagai keterangan ataupun dalil bagi perbahasan yang dibuat. Kalaupun beliau menggunakan fikrahnya bagi perbahasan bab, ia tidaklah sukar untuk difahami kerana ia ringkas dan padat.

Dari aspek penggunaan istilah, istilah yang biasa digunakan ialah <sup>295</sup> قلت , قال <sup>296</sup> الخطيب , قال ابو بكر <sup>297</sup> dan قال ابو بكر الخطيب <sup>298</sup> di mana ia digunakan ketika beliau membawakan pandangan dalam satu-satu perbahasan.

Contoh:

قال الخطيب وعلى العمل بخبر الواحد كان كافة التابعين ومن بعدهم من الفقهاء  
الخالفين في سائر أمصار المسلمين الى وقتنا هذا ..

Selain daripada itu dari segi menggunakan istilah-istilah hadith didapati terdapat sedikit perbezaan antara istilah yang digunapakai oleh beliau dan ahli hadis selepasnya. Sebagai contoh, hadith qudsi beliau menggunakan istilah "مُدعي" خبر

الرسالة

<sup>295</sup> *Ibid* j.1 h. 50, 103, 334, 452 dan 494 ; j.2, h. 39, 132 dan 446

<sup>296</sup> *Ibid*, j.1 h. 129, 200, 204, 255, 257, 259, 285, 288, 333, 334, 338, 350, 379, 407, 421, 502, 543, 549, 550 dan 557 ; j.2, h. 32, 37, 75, 81, 86, 131, 154, 169, 299, 231, 280, 296, 300 dan 309.

<sup>297</sup> *Ibid*, j.1 h. 166, 234, 244 dan 418 ; j.2, h. 98, 102, 107, 157, 199, 212, 246, 315 dan 414

<sup>298</sup> *Ibid*, j.1, h. 371

#### 4.5 Ulasan Terhadap Perbandingan Kedua-dua Kitab

Berdasarkan kajian dan penilaian yang dibuat, dapat dirumuskan beberapa kesimpulan kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil* dan *al-Kifāyah*. Antara keistimewaan yang terdapat pada kedua-dua kitab dapatlah disimpulkan seperti berikut:

1. Bagi *al-Muḥaddith al-Fāṣil*, dari segi isi kandungan kitab, tajuk perbahasan bab lebih menumpukan kepada ilmu periwayatan hadis sebagaimana tajuk-tajuk yang dibawa seperti adab-adab penuntut ilmu hadis, adab-adab *al-muḥaddith*, kaedah *samā' al-hadīth* dan lain-lain. Perbahasan bab dalam kitab ini, tidak menyentuh tentang ilmu hadis dari segi diterima atau ditolak dan ilmu yang berkaitan dengan sanad dan matan.
2. Manakala bagi *al-Kifāyah*, isi kandungannya lebih menumpukan kepada ilmu hadis dari segi diterima dan tertolak, ilmu matan hadis, ilmu sanad dan ilmu yang berkaitan dengan sanad dan matan. Al-Khatib al-Baghdadiy juga memasukkan ilmu tentang kaedah *samā' al-hadīth* sebagaimana yang terdapat di dalam *al-Muḥaddith al-Fāṣil*.
3. Dari segi kandungan kitab, kedua-dua kitab adalah saling melengkapi antara satu sama lain dengan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Di dalam *al-Muḥaddith al-Fāṣil* terkandung 22 tajuk bab perbahasan menggambarkan ia sebuah kitab yang ringkas dalam ilmu ini dan *al-Kifāyah* terkandung 161 tajuk bab perbahasan tentang ilmu ini menggambarkan ia sebuah kitab yang lengkap dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

4. Dari segi metodologi penulisan, metode penyusunan kitab yang kemas yang terdiri daripada juzuk dan bab menjadikan penyampaian yang dibawa oleh pengarang lebih tersusun.
5. Setiap hadis, *athār* dan pendapat ulama yang dibawa disertakan dengan *sanad* yang lengkap. Ini kerana menjadi kelaziman kedua-dua pengarang kitab dalam semua pendapat yang dibawa. Ia merupakan sesuatu yang penting dalam mengukuhkan nisbah kata-kata yang dibawa kepada orang yang menyampaikannya.
6. Dari segi metode huraian, kedua-dua kitab mengaplikasikan kaedah yang mudah difahami. Pembawaannya seperti ensiklopedia ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth* berperanan sebagai tempat rujukan dalam ilmu ini.

Dari segi kekurangan kitab yang dapat dinilai berdasarkan kajian yang dibuat dapatlah dinyatakan seperti berikut:

1. Di dalam *al-Muḥaddith al-Fāsil*, dari segi isi kandungan lebih menumpukan kepada ilmu periwayatan hadis dan ilmu periwayat hadis. Pengarang kitab tidak menyentuh langsung tentang ilmu *sanad*, ilmu *matan* dan perkara-perkara yang berkaitan diterima atau ditolak sesuatu periwayatan.
2. Manakala di dalam *al-Kifāyah*, isi kandungannya pula sebaliknya iaitu lebih menumpukan kepada ilmu *sanad* dan ilmu *matan*. Walaupun begitu, pengarang kitab ada juga membawakan ilmu tentang periwayatan hadis berkenaan dengan kaedah *samā' al-ḥadīth*.
3. Dari segi metodologi penulisan kitab, secara umumnya kedua-dua kitab mengaplikasikan gaya penulisan klasik sesuai dengan zaman pengarang kitab

masing. Penulisan dibuat secara terus tanpa dinyatakan pembahagian tertentu berdasarkan pembahagian bab. Walaupun begitu, ia tidak ditulis secara berselerak isi kandungannya malah penulisan ditulis berkelompok mengikut kumpulan tajuk tertentu tetapi memerlukan kepada penelitian ketika pembacaan dilakukan.

#### **4.6 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dapatlah dinyatakan bahawa kedua-dua kitab ini saling memerlukan antara satu sama lain sebagai rujukan dalam ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth* ini. *al-Kifayah* menggambarkan sebuah kitab yang lengkap dalam ilmu ini. Walaupun begitu terdapat sedikit persamaan isi kandungan di dalam *al-Kifāyah* dan *al-Muḥaddith al-Fāṣil* menunjukkan bahawa kedua-duanya saling berkait.

## **BAB LIMA:**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian penulis. Di dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang telah penulis lakukan. Selain itu penulis juga akan melontarkan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu hasil dari kajian penulis.

Melalui paparan penulis daripada bab yang terdahulu, layaklah meletakkan al-Rāmahurmuzī dan al-Khatīb al-Baghdādiy sebagai tokoh bagi Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang terkemuka pada zaman mereka secara khususnya. Ketokohan mereka dalam bidang hadis dapat dipaparkan berdasarkan aspek-aspek yang terdapat pada peribadi beliau latar belakang kehidupan dan perhatian yang telah diberikan ulama selepas mereka.

Sumbangan mereka menghasilkan sejumlah kitab dalam bidang hadis umumnya dan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* khususnya adalah satu bukti kukuh dalam memberikan sumbangan yang besar dalam bidang hadis itu sendiri. Justeru dalam bab yang terakhir ini, penulis cuba menyimpulkan dengan membuat rumusan terhadap topik yang menjadi skop kajian, diikuti dengan beberapa saranan sebagai perhatian pihak tertentu.

## 5.2 Kesimpulan Kajian

Daripada pengkajian ini dapatlah dirumuskan kepada beberapa kesimpulan iaitu:

1. Sejarah pertumbuhan metodologi *muḥaddithīn* dalam ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang bermula pada zaman Rasulullah saw merupakan detik penting dalam sejarah penulisan yang membawa kepada perkembangan pada hari ini. Seterusnya menggambarkan kepentingan peranan para sahabat sebagai *muḥaddithīn* pada waktu itu.

Penulisan ilmu yang berkembang pesat ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada umat manusia yang terpisah berkurun lamanya dengan utusan Allah Nabi s.a.w. Jihad para *muḥaddithīn* bagi setiap kurun menggambarkan keprihatinan yang teramat sangat dalam menjaga kesucian sunnah ini. Metodologi yang semakin kemas mengikut perjalanan kurun dengan terhasilnya kitab-kitab dalam ilmu ini adalah bukti kepada kekreatifan para *muḥaddithīn* dalam menghasilkan dan mengaplikasikan metode-metode yang amat penting bagi ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* itu sendiri.

2. Rentetan daripada perkembangan sejarah metodologi hadis inilah al-Rāmahurmuzī dan al-Khatīb al-Baghdādiy muncul sebagai mujahid menyambung usaha-usaha yang dilakukan ulama-ulama sebelumnya sebagai manfaat untuk generasi yang akan datang.

Daripada kajian yang dibuat terhadap biografi al-Rāmahurmuzī ḍān al-Khatīb al-Baghdādiy, jelas menggambarkan mereka telah melalui tahap pendidikan yang tinggi dalam membentuk keperibadian sebagai tokoh ilmunan. Keprihatinan, kesungguhan dan kecintaan yang mendalam terhadap ilmu menjadikan mereka berada diperingkat yang disegani oleh generasi sezaman dan selepasnya.

Suasaana keilmuan dalam kehidupan mereka merupakan salah satu faktor penyumbang kepada penguasaan ilmu pengetahuan. Pengembaraan ilmu yang merupakan satu fasa pendidikan yang biasa dilalui oleh ulama silam dalam usaha mendapatkan daripada guru-guru yang *murshid* dan *thiqah* tidak ketinggalan dalam kehidupan al-Rāmahurmuzī dan al-Khatīb al-Baghdādiy.

Sumbangan yang amat berharga dalam pelbagai disiplin ilmu dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan oleh mereka. Kejayaan mereka menghasilkan kitab ini telah mengangkat ketokohan kedua-dua tokoh ini dalam bidang ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

3. Kitab *al-Muḥaddith al-Fāṣil* adalah sebuah kitab yang muncul sebagai pencetus lahirnya kitab ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang dikarang secara berasingan. Ia menggambarkan sebuah kitab yang ringkas dan padat dalam membawa keterangan berkenaan pengetahuan tentang ilmu hadis ini. Kitab ini juga pencetus kepada lahirnya ratusan karya selepasnya dalam

memantapkan lagi metode-metode yang dipakai untuk menjaga kesucian hadis.

Isi kandungannya lebih menumpukan kepada metode untuk mengenali peribadi seorang *muḥaddith* adalah merupakan titik tolak kepada lahirnya metode-metode lain untuk memantapkan ilmu hadis itu sendiri. Dari segi metodologi penulisan, kaedah yang digunakan lebih menggambarkan sebuah ensiklopedia ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang boleh digunakan sebagai rujukan pada masa kini.

4. Kitab *al-Kifāyah* adalah sebuah kitab yang lengkap dalam ilmu ini dari sudut kaedah penerimaan dan penolakan sesebuah hadis. Terdapat beberapa isi kandungannya yang sama di dalam *al-Muḥaddith* menggambarkan kedua-dua kitab ini saling berkait rapat. Kitab ini dikatakan lengkap kerana isi kandungannya merangkumi sebahagian besar ilmu-ilmu yang mesti ketahui sebagai metode dalam menentukan kesahihan sesebuah riwayat.

Metodologi penulisannya yang berasaskan sandaran sanad menggambarkan ia sebuah penulisan mantap sama seperti yang dipraktikkan oleh al-Rāmahurmuzī. Ratusan prinsip-prinsip ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang dibentang di dalam penulisannya amat bernilai sebagai rujukan pada hari ini.

5. Sebagai rumusan perbandingan antara *al-Muḥaddith al-Fāsil* dan *al-Kifāyah*, dapatlah dinyatakan bahawa *al-Muḥaddith al-Fāsil* adalah sebuah yang lengkap dari aspek ilmu periwayatan hadis secara umumnya dan *al-Kifāyah*



adalah sebuah kitab yang lengkap dari segi kaedah-kaedah yang digunakan dalam penerimaan dan penolakan hadis.

### **5.3 Saranan-saranan**

Dalam usaha menjadikan ulama silam sebagai role model kepada generasi hari ini, maka penulis mengemukakan beberapa saranan yang dirasakan penting sebagai perhatian kepada pihak-pihak tertentu. Antara aspek yang disarankan ialah:

#### **5.3.1 Institusi Pengajian Tinggi**

Ilmu hadis sangat penting kerana ia merupakan sumber kedua selepas al-Qur'an. Oleh itu pembelajaran hadis hendaklah diserapkan bermula dari peringkat rendah, menengah sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi sebagai matapelajaran teras. Kementerian Pelajaran wajar inisiatif ini agar generasi hari ini dan akan datang dapat menilai kepentingan hadis dalam kehidupan.

#### **5.3.2 Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam**

Saranan kepada Universiti Malaya khususnya kepada Perpustakaan Utama dan lain-lain agar menambahkan lagi jumlah kitab *turāth* yang telah tersedia ada. Inisiatif ini perlu diambil agar sumber rujukan dalam bidang ini mencukupi dan mudah didapati sebagai bahan rujukan dalam penyelidikan.

### **5.3.3 Media Massa dan Bahagian Penerbitan**

Peranan media masa dan bahagian penerbitan dan percetakan haruslah memperbanyakkan pengeluaran buku-buku dan bahan bercetak berkenaan dengan ilmu hadis dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w di samping menjaga kualiti dan kuantiti kesahihan sumber tersebut.

### **5.3.4 Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith**

- i) Penyelidikan-penyelidikan dalam bidang hadis adalah digalakkan untuk menambahkan lagi aset karya yang bernilai dalam ilmu hadis khususnya dalam memperkenalkan tokoh-tokoh hadis yang merupakan penyambung kepada rangkaian-rangkaian ilmu yang ada pada hari ini.
- ii) Tindakbalas daripada pelajar Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith amat perlu sebagai inisiatif dalam menghasilkan penulisan-penulisan dalam bidang ini.
- iii) Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith perlu menggembeng tenaga untuk memperluaskan dan memperkenalkan bidang hadis kepada masyarakat awam umumnya dan pelajar Akademi Pengajian Islam itu sendiri khususnya agar bidang ini dapat dinilai kepentingannya.

Dan buat akhirnya, penulis menyeru kepada setiap individu muslim supaya mengambil iktibar terhadap sistem pelajaran silam yang mampu menghasilkan ulama yang dapat menguasai keseluruhan cabang ilmu pengetahuan yang menjadikan mereka mata rantai kepada perkembangan ilmu itu sendiri.

#### **5.4 Penutup**

Semoga dengan terhasilnya penulisan ini, penulis mengharapkan agar ia dapat dijadikan panduan kepada pembaca dalam usaha mereka untuk mengenali dan mendekati tokoh yang dibincangkan iaitu al-Khatib al-Baghdadiy dan sumbangannya dalam bidang hadis khususnya. Penulis juga berharap agar usaha yang tidak seberapa ini akan dapat membantu pembaca menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Di samping penulis mengalu kritikan dan teguran yang membina yang dapat memperlengkapkan dan menjadikan penulisan ini yang terbaik. Buat akhirnya, penulis mengharapkan agar kajian yang dihasilkan ini mendapat keberkatan dan keredhaan Ilahi. Semoga penulisan ini akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam.

والله المستعان

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN UTAMA

Al-Khatīb al-Baghdādīy, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Aliy bin Thābit, (2003), *al-Kifāyah fī Ma’rifah Uṣūl ‘Ilm al-Riwāyah*, Tah: Ibrāhīm bin Mustafā Aliy Bahjāj al-Dimyāṭiy, Jilid 1 & 2, c. 1, Dār al-Hūdā.

Al-Rāmahurmuzī, al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥman (1971) *al-Muḥaddith al-Fāsil bayna al-Rāwi wa al-Wā’i*, Tah: Dr. Muḥammad ‘Ajjāj al-Khatīb, t.t: Dār al-Fikr.

### RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Aliy ‘Abd al-Fataḥ Aliy Ḥasan (Dr) (1990), *al-Hadīth al-Nabawī wa Riwāyatuh*, c.1, Jeddah.

‘Aliy ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (Dr) (1994), *al-Ta’rīf bi Sunnah s.a.w aw ‘Ilm al-Hadīth Dirāyah*, c.1, Kaherah: Dar al-Tuzi wa al-Nashr al-Islamiyyah.

‘Azamiy, Muḥammad Mustafa al-(1992), *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawiy wa Tārīkh Tadwīnuh*, j. 1, Bayrūt: Maktabah al-Islāmiy.

‘Irāqiy, ‘Abd al-Raḥīm bin Ḥusayn al- (1981), *al-Taqyīd wa al-Idah Sharh Muqaddimah Ibn Ṣalāḥ*, Bayrūt: Dār al-Fikr.

---

(1995), *Fatḥ al-Mughīth Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth*, c.1, Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

‘Umari, Akram Diyā’ al- (1884), *Buhūth fī Tārīkh al-Sunnah al-Musharrafah*, Madīnah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.

Abū Ghuddah, ‘Abd al-Fattāh (1984), *Lamahāt min Tārīkh al-Sunnah wa ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Bayrūt: Maktab al-Matbū‘ah al-Islamiyyah.

Abū Shahbah, Muḥammad bin Muḥammad (Dr) (t.t), *A‘lām al-Muḥaddithīn*, Miṣr: Markaz al-Kutub al-Sharq al-Awsat.

\_\_\_\_\_ (t.t), *al-Wasīṭ fī ‘Ulūm wa Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.

Abū Zahw, Muḥammad Muḥammad (1958), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn aw Ināyāt al-Ummah al-Islāmiyyah bi al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Riyāḍ.

Adlibī, Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al- (1983), *Manhaj al-Naqd al-Matan ‘ind ‘Ulamā’ al-Ḥadīth al-Nabawī*, Bayrūt: Dār al-Afāq al-Jadīdah.

al-Sijistānī, Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abū Dawūd*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Asnawī, ‘Abd al-Raḥīm al- (1987), *Tabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, c.1, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Atābaki, Jamāl al-Dīn Abī al-Mahāsīn Yusūf bin Taghrī Bardī al- (t.t) *al-Nujūm al-Zāhirah fī Mulūk Miṣr wa al-Qāhirah*, j.5, Mu’assasah al-Miṣriyyah al-‘Ammah.

Baghdādiy, Muḥib al-Dīn bin al-Najār al- (1986), *al-Mustafād min Dhayl Tarīkh al-Baghdād*, c.1, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah.

Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl bin al-Mughīrah al-Jūfī al- (t.t), *Sahīh al-Bukhārī*, Dār al-Fikr.

Muḥammad bin Isma'īl Al-Bukhāriy (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, Tah: al-Shaykh 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh, t.p.

Dhahabīy, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al- (t.t), *Tadhkirah al-Huffāz*, j. 3, Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy.

\_\_\_\_\_ (1990), *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.

Ghūri, Sayyid 'Abd al-Mājid al- (2007), *Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth Nash'atuh wa Taṭawwuruh wa Takāmuluh*, Dimāsq: Dār Ibn Kathīr.

Hadiy, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al- (1996), *Tabaqāt 'Ulamā' al-Hādīth*, Akrām al-Bushi (ed), c.2, Muassasah al-Risālah.

Ḥajī Khalīfah (1982), *Kashf al-Zunūn 'an Usāmī al-Kutub al-Funūn*, Dār al-Fikr.

Ḥamawī, Yāqūt (t.t), *Mu'jam al-Udabā'*, Maktabah 'Isā al-Bābī al-Halabi, Mesir.

Ḥanbaliy, Abī al-Falaḥ 'Abd al-Hayy bin al-'Imād al- (1350H), *Shazarāt al-Dhahab Akhbār man Dhahab*, j. 3, Maktabah al-Qudsi.

Ḥifnawī, Muḥammad Ibrāhīm al- (1991), *Dirāsāt Uṣūliyyah fī al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Bayrūt: Dār al-Wafa.

Ḥusayni, 'Abd al-Majīd Hashim al- (1986), *Uṣūl al-Ḥadīth al-Nabawiy Ulūmuh wa Maqāyisuh*, 2 jilid, c.2, Bayrūt: Dār al-Shurūq.

Ibn 'Asākir, Abū al-Qāsim 'Aliy bin al-Ḥasan bin Hibah Allāh (1979), *Tahzīb Tarīkh Dimāsq al-Kabīr*, c.2, j. 1- 2, Bayrūt: Dār al-Maysarah.

Ibn al-Jawziy, Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥman bin 'Aliy Ibn Muḥammad bin 'Aliy (1359), *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umām*, j.8, Matba'ah Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1984), *al-Nukat ‘ala Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, Jilid 1, c.1, Madinah

\_\_\_\_\_ (1999), *Nuzhah al-Nazar fī Tawḍīh Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*, Jordan: Dār Ammar.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ (1977), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j.11, Bayrūt: Maktabah al-Ma‘ārif.

\_\_\_\_\_ (1990), *Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Khallikān, Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abī Bakr bin (1978), *Wafayāt al-A’yān wa Anbā’ al-Zamān*, J.1, Bayrūt: Dār al-Ṣādir.

Ibn Ṣalāh (1964), *Muqaddimah Ibn Ṣalāh wa Mahāsin al-Istilāh*, ed: Aishah ‘Abd al-Raḥman binti al-Shāfi‘i, Matba‘ah Dār al-Kutub.

Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim Taqi al-Din (1985), *‘Ilm al-Hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ja‘bari, Abu Ishaq Ibrahim b. ‘Umar al- (2000), *Rusum al-Tahdith fī ‘Ulum al-Hadith*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Jawziy, Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥman bin ‘Aliy bin Ibn Muḥammad bin ‘Aliy bin al- (t.t) , Juz 8, *al-Muntazam fī Tarīkh al-Mulūk wa al-Umam*,

Jazari, ‘Izz al-Dīn ibn al-Athīr al- (t.t), *al-Lubāb fī Tahzib al-Ansāb*, Baghdād: Maktabah al-Mathnā.

Kaḥḥālah, Umar Riḍā (t.t), *Mu‘jam al-Mu‘allifīn Tarājum Muṣannif al-Kutub al-‘Arabiyyah*, Lubnān: Maktabah al-Mathnā.

Khālidī, Fāḍil al- (1969), *al-Ḥayah al-Siyāsiyyah wa Nuẓm al-Ḥukm fī al-ʿIrāq*  
(*Khilal al-Qarn al-Khamis al-Hijriy*, Baghdād: Matba‘ah al-Imān.

Khāliq, ‘Abd al-Ghāni ‘Abd al- (1993), *Hujjiyah al-Sunnah*, c.2, Mansurah: Dār al-  
Wafa.

Khatīb al-Baghdādiy, Abi Bakr Ahmad bin Ali al- (t.t), *Tarikh Baghdad*, j. 11,  
Bāyruṭ: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.

\_\_\_\_\_ (1996), *Kitāb al-Faqīh wa al-Mutaḥaqiqih*, tah: Abū  
‘Abd al-Raḥman ‘Ādil bin Yūsuf al-‘Arāzi, c.1, Riyāḍ: Dār Ibn al-  
Jawzī

Khatīb, Muḥammad ‘Ajjāj al- (1963), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Kaherah:  
Maktabah Wahbah.

\_\_\_\_\_ (2001) *Uṣūl al-Ḥadīth ‘Ulūmuh wa Muṣṭalāḥuh*,  
Dār al-Fikr.

Mu‘ālimī, ‘Abd al-Raḥman bin Yaḥyā al- (t.t), *Ta‘liyah al-Tankīl bi mā fī al-Ta’nīb*  
*al-Kawthari min Abātil*, Miṣr: Matba‘ah al-Imām.

Nayṣabūrī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-(t.t), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-*  
*Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Afāq.

al-Nawawiy, Muhyī al-Dīn (2004), *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*,  
Tah: al-Shaykh Khalīl Ma‘mūn Shiha, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

Nūr al-Dīn al-‘Itr (Dr) (2003), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c.3, Damshiq:  
Dār al-Fikr.

Qaraḍawī, Yūsuf al- (1992), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyyah*, c.3,  
Kaherah: Maktabah Wahbah.



Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn al- (t.t), *Qawā'id al-Taḥdith min Funūn Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sabbagh Muḥammad (1972), *al-Ḥadith al-Nabawī Muṣṭalāḥuh Balaghatuh wa Kunyatuh*, al-Maktab al-Islāmī.

Şafadī, Şalaḥ al-Dīn Khalīl bin Aybāk al- (1992), *Kitāb al-Wāfī bi al-Wafayāt*, Juz 7.

Sakhāwi, Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al- (1983), *Fath al-Mughīth Sharḥ Alfīyah li al-‘Irāqī*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Şālih, Şubḥī al- (Dr) (t.t), *‘Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥ*, Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.

Sam‘ānī, Abū Sa‘d ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin Manşūr al- (1966), *Al-Ansāb*, c.1, Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah.

\_\_\_\_\_ (1966), *al-Ansāb*, c.1, Juz 5, Haydrabāt: Maṭba‘ah Majlis Dā’irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmaniyyah.

Shākir, Aḥmad Muḥammad (1983), *al-Bā’ith al-Hathīth Sharḥ Ikhtişār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Sibā’i, Muṣṭafā al- (1998), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī Tashri‘ al-Islāmi*, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

Subkī, Tāj al-Dīn Ibn Naşr ‘Abd al-Wahhāb Ibn Taqī al-Dīn al- (t.t), *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, Juzuk 3, Maktabah al-Husayniyyah al-Misriyyah.

Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakr al- (1994), *Ṭabaqāt al-Huffāz*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

---

(2002), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharh Taqrīb al-Nawāwī*, c.3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Taḥḥan, Maḥmud al- (1981), *al-Ḥāfiẓ al-Khatīb al-Baghdādiy wa athāruh fī 'Ulūm Al-Ḥadīth*, t.p.

---

(1996), *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, c. 9, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif.

Ṭash Kubra, Aḥmad bin Muṣṭafā (1985), *Miftah al-Sa‘ādah wa Misbaḥ al-Siyādah fī Mawdū‘at al-‘Ulūm*, c. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isa ( 1999), *al-Jāmi’ al- Ṣaḥīḥ*, Tah: Dr. Muṣṭafa Muḥammad Ḥayn al-Dhahabiy, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth,.

Yāfi‘ī, Abū Muḥammad bin As‘ad bin ‘Aliy bin Sulaymān al- (1970), *Mir‘ah al-Jinān wa ‘Ibrah al-Yaqzān fī Ma‘rifah ma yu‘tabaru min Hawādith al-Zamān*, c.2, j. 3, Bayrūt: Mu’assasah al-A‘lamī.

Zahrāni, Muḥammad bin Matar al- (1996), *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Dār al-Kutub al-Hijrah.

Ziriklī, Khayr al-Dīn al- (t.t), *al-A‘lām*, j. 1, Bayrūt: Dār al-‘Ilm al-Malāyīn.

## **RUJUKAN BAHASA MELAYU**

Buda @ Udah bin Muhsin (1995), *Ulum al-Hadith*, c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

H. Said Agil Husain al-Munawar (Dr) (t.t), *Ilmu Hadis*, Jakarta: Gaya Media Pratama.

Muhammad Mustafa Azami (1989), *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, Engku Ibrahim Engku Ismail (ed), Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

Mohamad Hashim Kamali (2002), *Hadith Methodologi (Usul al-Hadith) Authenticity, Compilation, Classification and Criticism of Hadith*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.

Fadil al-Khalidiy (1969), *Political Life and Govermental Organizations In Irak During The Fifth Century al-Hijree*, Baghdad: al-Iman Press.

A`zami, Muhammad Mustafa (1977), *Studies in Hadith Methodology and Literiture*, Indiana: Islamic Teaching Center.

\_\_\_\_\_ (1968), *Studies in Early Hadith Literiture*, Beirut: al-Maktab al-Islam.

## **JURNAL**

Abdul Karim bin Ali (1997), "Al-Syafi`i's Writing on Hadith", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 6, Julai 1997.

Fauzi bin Deraman (2000), "Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 12, Disember 2000.

Noor bin Deris ( 1993 ), *Sejarah Penulisan Ilmu-ilmu Hadith, Monograf Syariah*

## **RUJUKAN CAKERA PADAT**

Al-Qur'an al-Karim versi 6.5

Al-Hadith al-Syarif

## **RUJUKAN KERTAS KERJA/ DISERTASI/ TESIS**

Che Hasmawati Che Awang (2004), 'Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya dalam Ilmu Hadith di Malaysia' (Disertasi, Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya)

Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2004), 'Konsep '*Mukhtalaf al-Ḥadīth*' menurut al-Syafi'i: Tumpuan khusus terhadap kitabnya Ikhtilaf al-Hadith' (Disertasi, Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya)

Ishak Suliaman (1996), 'Ibn Hajar al-Asqalani dan Sumbangannya Kepada Hadith: Tumpuan terhadap kitabnya Bulugh al-Maram' (Disertasi, Sarjana Pengajian Islam Universiti Malaya)

Mohd Muhiden b. Abd. Rahman (1993), 'al-Imam al-Nawawi dan sumbangannya kepada al-Hadith: Suatu Kajian mengenai bab al-Tib wa al-Marad wa al-Ruqa menerusi kitabnya Sharh Sahih Muslim' Disertasi, Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

---

\_\_\_\_\_ (2003), 'Syeikh Nuruddin al-Raniri dan sumbangannya kepada pengajian al-Hadith: kajian terhadap kitab al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah (PhD, Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Muhammad Faisal bin Ismail @ Shamsuddin (2003), 'Keprihatinan Ulama Hadith terhadap Sanad Hadith: Suatu Kajian terhadap aplikasinya dalam Kitab al-Sirah al-Nabawiyah Karya Ibn Hisham' (Disertasi, Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

#### **RUJUKAN LAMAN WEB**

[www.sunnah.org/history/Scholars/al\\_khatib\\_al\\_baghdadi.htm](http://www.sunnah.org/history/Scholars/al_khatib_al_baghdadi.htm)

[www.livingislam.org/o/khtb\\_e.html](http://www.livingislam.org/o/khtb_e.html)

maqasid.wordpress.com/2007/12/09/words-of-wisdom-from-iqtidatul-%E2%80%98ilmil-amal-of-imam-khatib

witness-pioneer.org/vil/Articles/scholars/al\_khatib\_al\_baghdadi.htm

[www.al-islam.org/ghadir/reliability.asp?person=216&md=0](http://www.al-islam.org/ghadir/reliability.asp?person=216&md=0)